

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Tarikh diterbitkan dalam Warta: 29hb Januari 1994
Tarikh mula berkuatkuasa: 30hb Januari 1994

Mukadimah.

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
Peraturan 2. Tafsiran.

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Pendaftaran Pemasangan

Peraturan 3. Permohonan bagi pendaftaran pemasangan.
Peraturan 4. Fee bagi pendaftaran pemasangan.
Peraturan 5. Pemeriksaan dan ujian pemasangan.
Peraturan 6. Fee bagi pemeriksaan dan ujian pemasangan.
Peraturan 7. Pembatalan Perakuan Pendaftaran pemasangan.

Lesen bagi Pemasangan

Peraturan 8. Lesen bagi pemasangan awam.
Peraturan 9. Lesen bagi pemasangan persendirian.
Peraturan 10. Fee bagi pemasangan awam atau persendirian.

Penyeliaan dan Ujian Pemasangan

Peraturan 11. Kelulusan bagi memulakan pendawaian.
Peraturan 12. Penyeliaan dan penyiapan pemasangan.
Peraturan 13. Ujian pemasangan.
Peraturan 14. Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan dan Perakuan Ujian.

Bahan, Kelengkapan dan Kaedah Pemasangan

Peraturan 15. Radas, konduktor, aksesori, dsb.
Peraturan 16. Suis, fuis suis, suis fuis, pemutus litar, penyentuh, fuis, dsb.
Peraturan 17. Janakuasa, motor, pengubah, dsb.
Peraturan 18. Cara pengasingan.

Pemasangan Papan Suis

Peraturan 19. Susunan papan suis secara am.
Peraturan 20. Mengendalikan papan suis.
Peraturan 21. Papan suis dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi.

Talian Bekalan Bawah Tanah

Peraturan 22. Sesalur dan sambungan bawah tanah.
Peraturan 23. Cantuman, sambungan atau penamatan.

Radas Mudah Alih

Peraturan 24. Radas mudah alih secara am.
Peraturan 25. Radas mudah alih di atas kapal korek atau struktur terapung.

Pemasangan Papan Tanda Elektrik

Peraturan 26. Papan tanda elektrik.

Peraturan 27. Suis bomba, notis dan pengubah.

Peraturan 28. Langkah-langkah yang hendaklah diambil oleh pemunya atau pengurus.

Pemasangan lain

Peraturan 29. Pemasangan yang tidak digunakan.

Peraturan 30. Kuasa Pengarah membuat pelarasan atau pindaan kepada pemasangan.

Peraturan 31. Pemasangan bagi peleburan elektrik, X-ray, dsb.

Peraturan 32. Pemasangan di tempat-tempat hiburan awam.

Peraturan 33. Pemasangan di atas kapal korek atau struktur terapung.

Pembumian Pemasangan

Peraturan 34. Pembumian bahagian logam, poin neutral, dsb.

Peraturan 35. Kaedah pembumian.

Peraturan 36. Perlindungan terhadap arus kebocoran bumi.

Kehendak-Kehendak Am Pemasangan

Peraturan 37. Ruang bagi papan suis atau kelengkapan.

Peraturan 38. Notis.

Peraturan 39. Arahan bagi rawatan renjatan elektrik.

Peraturan 40. Alat pemadam api.

Pemasangan Talian Aerial

Peraturan 41. Syarat-syarat am talian aerial.

Peraturan 42. Talian aerial dikendalikan pada voltan rendah.

Peraturan 43. Talian aerial dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi.

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peperiksaan bagi Orang Kompeten

Peraturan 44. Perlantikan Lembaga Pemeriksa.

Peraturan 45. Permohonan bagi peperiksaan hendaklah dibuat kepada Lembaga.

Peraturan 46. Kelayakan untuk menjadi Jurutera Perkhidmatan Elektrik.

Peraturan 47. Kelayakan untuk menjadi Jurutera Elektrik Kompeten.

Peraturan 48. Kelayakan untuk menjadi Penyelia Elektrik.

Peraturan 49. Kelayakan untuk menjadi Penjaga Jentera.

Peraturan 50. Kelayakan untuk menjadi Pendawai.

Peraturan 51. Kelayakan untuk menjadi Pencantum Kabel.

Peraturan 52. Pendaftaran sementara orang asing.

Peraturan 53. Keterangan perubatan mengenai kesihatan.

Peraturan 54. Fee bagi peperiksaan, pengendorsan dan penggantian Perakuan Kekompetenan.

Peraturan 55. Sekatan atau pengendorsan Perakuan Kekompetenan.

Peraturan 56. Borang Perakuan Kekompetenan.

Peraturan 57. Penyerahan balik Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di-bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Peraturan 58. Perakuan Kekompetenan yang hilang atau rosak.

Peraturan 59. Penggantungan dan pembatalan Perakuan Kekompetenan.

Orang Kompeten

Peraturan 60. Orang kompeten.

Peraturan 61. Orang kompeten yang bertanggungjawab bagi pemasangan awam.

Peraturan 62. Orang kompeten bagi setiap giliran.

Peraturan 63. Pendaftaran orang kompeten.

Peraturan 64. Orang kompeten menyambung papan suis, kelengkapan, dsb.

Peraturan 65. Orang kompeten mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi.

Pemeriksaan Tetap oleh Orang Kompeten

Peraturan 66. Pemasangan hendaklah dilawati dan diperiksa oleh orang kompeten.

Peraturan 67. Orang kompeten dan kekerapan lawatan dan pemeriksaan.

Peraturan 68. Kewajipan Jurutera atau Penyelia untuk memeriksa dan melapor.

Peraturan 69. Ketua Pengarah menentukan bilangan lawatan.

Peraturan 70. Kewajipan memberitahu dan membaiki kecacatan.

Pendaftaran Kontraktor Perkhidmatan Elektrik

Peraturan 71. Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Peraturan 72. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Peraturan 73. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Peraturan 74. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Pendaftaran Kontraktor Elektrik

Peraturan 75. Kontraktor Elektrik.

Peraturan 76. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Peraturan 77. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Peraturan 78. Pengelasan Kontraktor Elektrik.

Peraturan 79. Fee bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Pendaftaran Unit Pendawaian Persendirian

Peraturan 80. Unit Pendawaian Persendirian.

Peraturan 81. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Peraturan 82. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Peraturan 83. Fee bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Pendaftaran Kontraktor Papan Tanda Elektrik

Peraturan 84. Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Peraturan 85. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Peraturan 86. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Peraturan 87. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Pendaftaran Kontraktor Pembaikan Elektrik

Peraturan 88. Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Peraturan 89. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Peraturan 90. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Peraturan 91. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Pendaftaran Pengilang Papan Suis

Peraturan 92. Pengilang Papan Suis.

Peraturan 93. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikendalikan pada voltan rendah.

Peraturan 94. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikendalikan pada voltan rendah dan lebih tinggi daripada voltan rendah.

Peraturan 95. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis.

Peraturan 96. Fee bagi perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis.

Kelulusan Kelengkapan

Peraturan 97. Perakuan kelulusan bagi kelengkapan.

Peraturan 98. Penandaan atau pelabelan kelengkapan yang diluluskan.

Peraturan 99. Sampel kelengkapan hendaklah dihantar-serah kepada Pengarah.

Peraturan 100. Ujian dan ubahsuaian sebelum kelulusan.

Peraturan 101. Pengemukaan bagi ujian dan penyitaan kelengkapan berbahaya.

Pembaharuan, Pindahmilik, Pembatalan, Pemotongan dan Pemasukan Semula Perakuan

Peraturan 102. Pembaharuan Perakuan Pendaftaran.

Peraturan 103. Pindahmilik Perakuan Pendaftaran.

Peraturan 104. Pembatalan Perakuan Pendaftaran.

Peraturan 105. Pemotongan daripada dan pemasukan semula dalam Daftar Perakuan Pendaftaran.

Peraturan 106. Pembaharuan Perakuan Kelulusan.

Peraturan 107. Pindahmilik Perakuan Kelulusan.

Peraturan 108. Pembatalan Perakuan Kelulusan.

Peraturan 109. Pemotongan daripada dan pemasukan semula dalam Daftar Perakuan Kelulusan.

BAHAGIAN IV - PENYENGGARAAN

Penyenggaraan Pemasangan

Peraturan 110. Pemeriksaan dan ujian bagi maksud penyenggaraan pemasangan, dsb.

Peraturan 111. Orang kompeten mengusahakan kerja penyenggaraan.

Peraturan 112. Langkah awasan keselamatan yang mencukupi hendaklah diambil semasa kerja.

Peraturan 113. Orang kompeten hendaklah mengeluarkan arahan bertulis.

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 114. Kad pengenalan Pengarah.

Peraturan 115. Perintah khas oleh Ketua Pengarah.

Peraturan 116. Larangan menggunakan kelengkapan yang membahayakan kesihatan.

Peraturan 117. Saman kepada pengapit dan saksi.

Peraturan 118. Fee yang kena dibayar kepada Pengarah.

Peraturan 119. Pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan hendaklah menyimpan rekod.

Peraturan 120. Fee bagi suatu salinan laporan.

Peraturan 121. Peruntukan peralihan dan kecualian.

Peraturan 122. Penalti.

Peraturan 123. Pembatalan.

JADUAL PERTAMA - BORANG A.

JADUAL PERTAMA - BORANG B.

JADUAL PERTAMA - BORANG C.

JADUAL PERTAMA - BORANG D.

JADUAL PERTAMA - BORANG E.

JADUAL PERTAMA - BORANG F.

JADUAL PERTAMA - BORANG G.

JADUAL PERTAMA - BORANG H.

JADUAL PERTAMA - BORANG I.

JADUAL PERTAMA - BORANG J.

JADUAL PERTAMA - BORANG K.

JADUAL PERTAMA - BORANG L.

JADUAL PERTAMA - BORANG M.

JADUAL PERTAMA - BORANG N.

JADUAL PERTAMA - BORANG O.

JADUAL PERTAMA - BORANG P.

JADUAL PERTAMA - BORANG Q.

JADUAL PERTAMA - BORANG R.

JADUAL PERTAMA - BORANG S.

JADUAL PERTAMA - BORANG T.

JADUAL PERTAMA - BORANG U.

JADUAL PERTAMA - BORANG V.

JADUAL PERTAMA - BORANG W.

JADUAL PERTAMA - BORANG X.

JADUAL PERTAMA - BORANG Y.

JADUAL PERTAMA - BORANG Z.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN I.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN II.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN III.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN IV.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN V.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN VI.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN VII.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN VIII.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN IX.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN X.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN XI.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN XII.

JADUAL KEDUA - BAHAGIAN XIII.

JADUAL KETIGA.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

Mukadimah.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Menteri membuat peraturan- peraturan yang berikut:

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Elektrik 1994** dan hendaklah, tertakluk kepada subperaturan (2), mula berkuatkuasa pada 30hb Januari 1994.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), peraturan-peraturan yang berikut hendaklah mula berkuatkuasa pada 30hb Januari 1995;

(a) peraturan 13;

(b) subperaturan 23(2), 23(3) dan 23(4);

(c) perenggan 78(2)(c);

(d) perenggan 78(3)(c);

(e) perenggan 78(4)(c);

(f) perenggan 78(5)(c);

(g) perenggan 81(c);

(h) perenggan 85(c); dan

(i) peraturan 88.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

Peraturan 2. Tafsiran.

Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain ---

"aksesori" ertinya peranti, selain daripada kelengkapan menggunakan arus, yang berkaitan dengan apa-apa kelengkapan atau pendawaian pemasangan;

"dibumikan" ertinya disambungkan kepada jisim bumi;

"gear suis" ertinya pemasangan radas pensuisan utama dan tambahan bagi pengendalian, pengawalseliaan, perlindungan atau pengawalan lain pemasangan elektrik;

"jalan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

"Jurutera Elektrik Kompeten" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Elektrik Kompeten yang dikeluarkan di bawah peraturan 47;

"Jurutera Elektrik Kompeten residen" ertinya Jurutera Elektrik Kompeten yang bekerja sepenuh masa yang bertanggungjawab bagi suatu pemasangan tertentu;

"Jurutera Perkhidmatan Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 46;

"kabel" ertinya panjang konduktor tunggal bertebat, sama ada pejal atau berlembar, atau dua atau lebih konduktor itu, setiapnya disediakan dengan penebatnya sendiri, yang dipasangkan bersama. Konduktor atau konduktor-konduktor bertebat itu boleh atau tidak disediakan dengan penutup keseluruhannya bagi perlindungan mekanikal;

"kerja elektrik" ertinya apa-apa kerja yang dilaksanakan atau dijalankan pada sesuatu pemasangan elektrik dan termasuk pemasangan, pembinaan, mendirikan atau membaiki pemasangan elektrik, mengubah struktur, menggantikan mana-mana bahagiannya, menambah mana-mana bahagiannya atau menjalankan apa-apa kerja padanya bagi maksud penyenggaraannya, tetapi tidak termasuk kerja yang berhubungan dengan ---

(a) pengilangan pemasangan elektrik atau pemasangannya dalam perjalanan, atau berkaitan dengan, pengilangannya bagi maksud menghasilkan barang baru; atau

(b) meminyak, menggris, membersihkan atau mengecat pemasangan elektrik;

"konduktor fasa" ertinya konduktor suatu sistem arus ulang-alik bagi penghantaran tenaga elektrik, selain daripada konduktor neutral;

"konduktor neutral" ertinya konduktor yang disambungkan pada poin neutral sesuatu sistem dan menyumbang kepada penghantaran tenaga elektrik;

"konduktor talian" ertinya suatu konduktor yang menjadi sebahagian daripada talian aerial;

"Kontraktor Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 75;

"Kontraktor Papan Tanda Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Papan Tanda Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 84;

"Kontraktor Pembaikan Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Pembaikan Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 88;

"Kontraktor Perkhidmatan Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 71;

"litar" ertinya litar elektrik yang membentuk suatu sistem atau suatu cawangan sistem;

"litar akhir" ertinya litar yang bersambung terus kepada kelengkapan menggunakan arua, atau kepada soket aliran keluar atau poin aliran keluar lain, bagi sambungan kepada kelengkapan itu;

"nuetral bumi bebilang" ertinya konduktor talian neutral yang dibumikan pada lebih daripada satu poin;

"orang" termasuk mana-mana individu, firma, syarikat, persatuan, perkongsian atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak;

"papan suis" ertinya pemasangan gear suis dengan atau tanpa peralatan, tetapi tidak terpakai bagi suatu kumpulan suis setempat pada litar akhir;

"papan tanda elektrik" ertinya papan tanda neon atau radas penggunaan lain yang seumpamanya yang dikendalikan lebih daripada 400 volt;

"pemunya" ertinya pemunya atau penerima pajak sesuatu pemasangan, dan termasuk, jika pemunya atau penerima pajak tidak hadir, ejennya yang diberikuasa;

"pemutus litar" ertinya peranti mekanikal bagi menyambung atau memutuskan litar yang dalam keadaan bertenaga, contohnya litar pintas, apabila litar itu terputus secara automatik;

"Pencantum Kabel" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Pencantum Kabel yang dikeluarkan di bawah peraturan 51;

"pencawang" ertinya mana-mana premis atau bahagiannya yang terkepung yang mempunyai radas sama ada untuk mengubah atau menukarkan tenaga kepada atau daripada voltan tinggi (selain daripada mengubah atau menukarkan tenaga semata-mata bagi pengendalian peranti pensuisan atau peralatan), atau untuk pensuisan, pengawalan atau pengawalseliaan tenaga pada voltan tinggi dan yang cukup besar untuk membolehkan orang masuk selepas radas diletakkan pada tempat itu, dan termasuk radas di dalamnya;

"Pendawai" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Pendawai yang dikeluarkan di bawah peraturan 50;

"penghuni" ertinya orang yang menghuni mana-mana premis dan termasuk orang yang menjaga, mengurus atau mengawal premis itu sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen orang lain, tetapi tidak termasuk penginap;

"Pengilang Papan Suis" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikeluarkan di bawah peraturan 92;

"pengubah" ertinya radas yang tanpa bahagian yang sentiasa bergerak yang melalui aruhan elektromagnet mengubah voltan atau arus ulang-alik dalam satu lilitan menjadi voltan atau arus ulang-alik dalam satu atau lebih lilitan yang lain, biasanya pada nilai yang berbeza bagi voltan atau arus dan termasuklah pengubah-auto;

"penjaga Jentera" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Penjaga Jentera, yang dikeluarkan di bawah peraturan 49;

"Penyelia Elektrik" ertinya orang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai Penyelia Elektrik yang dikeluarkan di bawah peraturan 48;

"pemasangan berdaftar" ertinya pemasangan yang baginya Perakuan Pendaftaran yang sah telah dikeluarkan di bawah peraturan 3;

"pemasangan domestik" ertinya pemasangan di tempat kediaman persendirian yang tidak digunakan dalam mana-mana hotel atau rumah tumpangan atau bagi maksud menjalankan apa-apa perniagaan, perdagangan, profesion atau perkhidmatan;

"Perakuan Kelulusan" ertinya suatu Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan oleh Pengarah bagi mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklankan apa-apa kelengkapan elektrik dalam kawasan bidang kuasa Jabatan Bekalan Elektrik, Malaysia;

"Pengilang Papan Suis" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikeluarkan di bawah peraturan 92;

"peranti arus baki" ertinya peranti pensuisan mekanik atau sekumpulan peranti yang dicadangkan untuk menyebabkan pembukaan sentuhan apabila arus baki mencapai nilai yang ditentukan dalam keadaan tertentu;

"perkakas" ertinya apa-apa peranti yang menggunakan elektrik bagi maksud tertentu;

"pihak berkuasa telekomunikasi" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Telekomunikasi 1950 [Akta 20];

"radas" ertinya apa-apa radas elektrik dan termasuk peranti atau lekapan yang baginya konduktor digunakan, atau yang ia menjadi sebahagian daripadanya;

"radas muda alih" ertinya suatu radas yang dibina sedemikian rupa supaya dapat dialih dengan mudah dari tempat ke tempat dan dapat dikendalikan dengan selamat tanpa apa-apa pengubahan struktur berikutan pengalihannya;

"radas penggunaan" ertinya radas yang dimaksudkan untuk menggunakan tenaga;

"sesalur agihan" ertinya bahagian mana-mana sesalur yang dengannya talian perkhidmatan adalah atau dimaksudkan hendak disambung secara langsung;

"talian perkhidmatan" ertinya talian bekalan elektrik yang melaluinya tenaga adalah, atau dimaksudkan untuk, dibekalkan kepada seorang pengguna atau sekumpulan pengguna dari sesalur agihan atau terus dari stesen janakuasa atau pencawang;

"talian telekomunikasi" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Telekomunikasi 1950;

"tak bersalut" bermaksud tidak ditutupi atau tidak dilindungi dengan bahan penebatan;

"Unit Pendawaian Persendirian" ertinya orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian yang dikeluarkan di bawah peraturan 80;

"voltan amat rendah" ertinya voltan yang biasanya tidak melebihi 50 volt arus ulang-alik atau 120 volt arus terus, sama ada antara konduktor atau antara konduktor dengan bumi;

"voltan rendah" ertinya voltan yang biasanya melebihi voltan amat rendah tetapi tidak melebihi 1,000 volt arus ulang-alik atau 1,500 volt arus terus di antara konduktor, atau 600 volt arus ulang-alik atau 900 volt terus antara konduktor dengan bumi.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 4. Fee bagi pendaftaran pemasangan.

Fee hendaklah dibayar bagi pengeluaran Perakuan Pendaftaran mana-mana pemasangan atau pembahruannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 5. Pemeriksaan dan ujian pemasangan.

(1) Pemeriksaan dan ujian pemasangan bagu bagi tujuan pendaftaran hendaklah dibuat tidak lewat daripada dua puluh satu hari selepas diterima Borang A yang disebut dalam peraturan 3 dan notis munasabah bagi pemeriksaan dan ujian itu hendaklah diberikan secara bertulis kepada pemunya atau pengurusan pemasangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apabila menerima notis yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1), pemunya atau pengurusan pemasangan hendaklah menyebabkan persediaan bagi pemeriksaan dan ujian itu dibuat dan hendaklah hadir pada masa pemeriksaan dan ujian itu.

(3) Notis pemeriksaan dan ujian permulaan dan susulan hendaklah dibuat masing-masing dalam Borang D dan E yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disampaikan sama ada secara sendiri kepada orang yang notis itu dialamatkan atau mengirinkan kepadanya secara pos berdaftar atau ditampalkan dengan jelas di bangunan di mana pemasangan yang hendak di periksa atau diuji itu terletak.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 6. Fee bagi pemeriksaan dan ujian pemasangan.

Fee hendaklah dikenakan bagi pemeriksaan dan ujian mana-mana pemasangan pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 7. Pembatalan Perakuan Pendaftaran pemasangan.

(1) Seseorang Pengarah boleh membatalkan Perakuan Pendaftaran pemasangan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika---

(a) pemasangan itu tidak lagi dikehendaki untuk digunakan;

(b) pemasangan itu didapati tak selamat untuk digunakan;

(c) orang yang padanya Perakuan itu dikeluarkan menggunakannya bagi tujuan yang berlainan dengan tujuan Perakuan itu dikeluarkan; atau

(d) orang itu telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apabila Perakuan Pendaftaran suatu pemasangan dibatalkan oleh Pengarah menurut subperaturan (1) orang yang kepadanya Perakuan itu telah dikeluarkan hendaklah memulangkannya kepada Pengarah dalam masa empat belas hari selepas diberitahu secara bertulis tentang pembatalan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 8. Lesen bagi pemasangan awam.

Satu lesen bagi pemasangan awam hendaklah dalam borang yang Ketua Pengarah fikirkan patut dan sesuai bagi pemasangan awam.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 9. Lesen bagi pemasangan persendirian.

Suatu lesen bagi pemasangan persendirian hendaklah dalam Borang F yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 10. Fee bagi pemasangan awam atau persendirian.

(1) Fee yang kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan lesen bagi pemasangan awam hendaklah pada kadar tahunan dan hendaklah pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian III Jadual Kedua.

(2) Fee yang kena dibayar bagi mengeluarkan atau pembaharuan lesen pemasangan persendirian hendaklah pada kadar tahunan dan hendaklah pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 11. Kelulusan bagi memulakan pendawaian.

(1) Tiada pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pemasangan yang sedia ada boleh dijalankan oleh Kontraktor Elektrik atau Unit Pendawaian Persendirian tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan diperlukan bagi tambahan pada pendawaian yang sedia ada bagi pemasangan domestik jika jumlah arus yang digunakan pada satu-satu masa oleh pemasangan itu, disebabkan tambahan itu, tidak melebihi permintaan arus maksimum seperti yang dipersetujui dalam kontrak bekalan antara pemunya dengan pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan.

(2) Cara menghitung permintaan arus maksimum bagi pemasangan domestik dalam subperaturan (1) hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 12. Penyeliaan dan penyiapan pemasangan.

(1) Mana-mana pendawaian elektrik dalam sesuatu pemasangan yang menerima bekalan fasa tunggal daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah di bawah penyeliaan langsung Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal atau Sekatan Fasa Tiga, dan apabila siap pemasangan itu, Pendawai tersebut hendaklah memperakukan suatu Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan.

(2) Mana-mana pendawaian elektrik dalam sesuatu pemasangan, dikendalikan pada voltan rendah menerima bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah di bawah penyeliaan langsung Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan apabila siap pemasangan itu, Pendawai itu hendaklah memperakukan Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan.

(3) Bagi maksud peraturan ini dan subperaturan 13(1) dan (2), Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal atau Sekatan Fasa Tiga, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diambil kerja sepenuh masa oleh Kontraktor Elektrik atau Unit Penmdawaian Persendirian.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 13. Ujian pemasangan.

(1) Apabila siap pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pada pemasangan yang sedia ada seperti dalam subperaturan 12(1) itu, pemasangan itu hendaklah diuji oleh Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal atau oleh Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji mana-mana pemasangan, dan yang hendaklah mengesahkan Perakuan Ujian bagi pemasangan itu.

(2) Apabila siap pendawaian atau pendawaian semula pemasangan atau tambahan kepada pemasangan yang sedia ada seperti dalam subperaturan 12(2), pemasangan itu hendaklah diuji oleh Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji mana-mana pemasangan, dan yang hendaklah memperakukan Perakuan Ujian bagi pemasangan itu.

(3) Apabila siap pemasangan atau tambahan kepada pemasangan yang sedia ada yang dikendalikan pada voltan rendah itu, pemasangan itu hendaklah diuji oleh Jurutera Perkhidmatan Elektrik, yang diambil kerja sepenuh oleh Kontraktor Perkhidmatan Elektrik dan yang hendaklah mengesahkan Perakuan Ujian bagi pemasangan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 14. Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan dan Perakuan Ujian.

(1) Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan dan Perakuan Ujian dalam peraturan 12 dan 13 hendaklah masing-masing dalam Borang G dan H yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Tiada pemasangan, selain daripada dalam peraturan 11, boleh menerima bekalan tenaga daripada atau diberi bekalan tenaga oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan sehingga Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan dan Perakuan Ujian dikemukakan oleh pemunya atau pengurusan pemasangan itu kepada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 15. Radas, konduktor, aksesori, dsb.

(1) Mana-mana radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyambungan kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggarakan sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.

(2) Sesuatu konduktor hendaklah ditebat dan dilindungi secara berkesan atau ditempatkan atau dikawal keselamatannya sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.

(3) Sesuatu konduktor yang tidak dilindungi dengan penyalut logam atau dialirkan dalam pembuluh hendaklah dilindungi dengan penebat bush atau tiub, apabila konduktor itu menembusi dinding, sesekat, lantai atau bumbung bangunan atau binaan lain.

(4) Sesuatu kabel atau pembuluh logam yang melaluinya kabel dilalukan boleh ditanam di dalam plaster dengan syarat kabel dan pembuluh itu ialah daripada bahan yang kakisan pada kabel atau pembuluh itu tidak akan menyebabkan tebatan menjadi lemah dan bahaya akibat langsung daripada kebocoran arus.

(5) Sesuatu kabel atau pembuluh logam yang melaluinya kabel dilalukan boleh ditanam di dalam simen tulen atau konkrit.

(6) Mana-mana konduktor atau radas yang terdedah pada cuaca, ais, kakisan, pemanasan yang tak sewajarnya atau digunakan dalam persekitaran yang mudah terbakar atau dalam persekitaran yang mudah meletup hendaklah dibina atau dilindungi sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 16. Suis, fuis suis, suis fuis, pemutus litar, penyentuh, fuis, dsb.

(1) Mana-mana suis, fuis suis, suis fuis, pemutus litar atau pengasing rangkai hendaklah---

(a) dibina, ditempatkan atau dilindungi mengikut apa-apa cara bagi mencegah bahaya;

(b) dibina dan dilaraskan mengikut apa-apa cara bagi membuat dan mengekalkan sentuhan berkesan;

(c) disediakan gagang berkesan ditebat daripada sistem itu dan disusun mengikut apa-apa cara supaya gagangnya tidak boleh dengan tak sengaja tersentuh mana-mana bahagian hidup;

(d) dibina dan disusun dengan apa-apa cara supaya ia tidak boleh dengan tak sengaja tersentuh mana-mana bahagian hidup konduktor apabila ditinggalkan dalam keadaan "off";

(e) dibina dengan apa-apa cara supaya ia tidak boleh dalam keadaan sentuhan separa dengan mana-mana konduktor hidup; dan

(f) dibina dengan apa-apa cara supaya tidak terdapat arka apabila digunakan untuk memutuskan litar berbeban.

(2) Mana-mana pemutus litar dan penyentuh yang digunakan untuk menukarkan sumber bekalan mempunyai kutub-kutub yang termasuk suatu kutub neutral.

(3) Mana-mana fuis atau pemutus litar hendaklah---

(a) dibina dan disusun dengan apa-apa cara supaya dapat memutuskan arus apabila ia melebihi nilai yang diberikan bagi masa yang mencukupi bagi mencegah bahaya; dan

(b) dibina, dikawal atau ditempatkan dengan apa-apa cara supaya dapat mencegah bahaya akibat terlampau panas, pengarikan atau daripada penyelerakan logam panas atau bahan lain.

(4) Fuis dalam subperaturan (3) hendaklah sama ada yg dibina sedemikian rupa atau yang dilindungi dengan suis supaya bahagian boleh lakurnya mudah diganti tanpa bahaya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 17. Janakuasa, motor, pengubah, dsb.

(1) Mana-mana bahagian janakuasa, motor, pengubah, atau kelengkapan lain yang dikendalikan pada voltan tinggi yang boleh dicapai dengan bersahaja oleh seseorang hendaklah dilindungi jika perlu untuk mencegah bahaya.

(2) Sesuatu motor hendaklah dikawal oleh satu atau lebih peranti mula yang berkesan untuk menghidupkan atau memberhentikanannya.

(3) Suis yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah ditempatkan mengikut apa-apa cara supaya ia mudah dikendalikan oleh irang yang menjaga motor itu.

(4) Mana-mana gear suis yang digunakan yang berkaitan dengan win, penggulung dan kren yang terdedah kepada cuaca, di atas kapal korek atau di tempat bawah tanah, dikendalikan pada voltan lebih tinggi daripada voltan rendah hendaklah terdiri daripada jenis salutan logam yang bertutup sepenuhnya.

(5) Jika tenaga diubah daripada satu voltan kepada satu voltan lain, peruntukan hendaklah diadakan untuk mengawal daripada bahaya disebabkan sistem voltan rendah tercaj dengan tidak sengaja lebih tinggi daripada voltan biasanya disebabkan kebocoran daripada atau kebocoran disebabkan sentuhan dengan sistem voltan yang lebih tinggi.

(6) Jika sesuatu pengubah-auto digunakan bagi apa-apa maksud, perhatian hendaklah diambil bagi memastikan voltan di antara mana-mana bahagian lilitan voltan rendah dengan bumi tidak melebihi voltan di antara terminal-terminal lilitan voltan lebih rendah itu.

(7) Sesuatu pencawang bawah tanah, tidak selainnya mudah dan selamat diakses, hendaklah disediakan dengan cara-cara masuk yang memadai melalui pintu dengan tangga atau tangga panjat yang dipasangkan dengan selamat dan ditempatkan mengikut apa-apa cara supaya tidak terdapat bahagian yang hidup pada mana-mana papan suis atau konduktor tak bersalut yang boleh dicapai dengan bersahaja oleh mana-mana orang.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 18. Cara pengasingan.

Dalam suatu sistem elektrik, cara yang berkesan hendaklah diadakan bagi---

- (a) mematikan setiap bahagian sistem itu;
- (b) melindungi setiap bahagian sistem daripada arus berlebihan;
- (c) mematikan setiap cawangan sistem agihan tanpa gangguan bekalan kepada sistem yang selebihnya; dan
- (d) mematikan setiap sublitar sistem pendawaian tanpa gangguan bekalan kepada sistem yang selebihnya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 19. Susunan papan suis secara am.

(1) Susunan am papan suis hendaklah seperti yang berikut:

(a) semua bahagian yang mungkin dikehendaki dilaraskan atau dikendalikan hendaklah mudah diakses;

(b) pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambar rajah sambungan-sambungan yang dilukis dengan jelas hendaklah dipamerkan berdekatan dengan papan suis itu;

(c) sesuatu konduktor, tidak disusun untuk sambungan kepada sistem yang sama, hendaklah diasingkan dengan baik dan boleh dibezakan; dan

(d) sesuatu konduktor tak bersalut hendaklah ditempatkan atau dilindungi bagi mencegah bahaya daripada sentuhan tak sengaja.

(2) Alas getah yang saiz dan ketebalannya yang sesuai hendaklah diletakkan di atas lantai di hadapan setiap papan suis untuk mencegah bahaya renjatan elektrik kepada seseorang pengendali.

(3) Sesuatu papan suis yang mempunyai konduktor tak bersalut yang terdedah sedemikian rupa sehingga mungkin tersentuh, hendaklah, jika tidak terletak di suatu kawasan yang berasingan bagi maksud itu, dipagar atau dikepung selainnya.

(4) Tiada sesiapa pun, kecuali orang kompeten atau orang yang bertindak di bawah penyeliaan langsung orang kompeten, boleh mendapat akses kepada mana-mana bahagian papan suis.

(5) Sesuatu radas yang bersangkutan dengan suatu papan suis dan menghendaki pengendalian hendaklah ditempatkan dan disusun mengikut apa-apa cara supaya radas itu boleh dikendalikan daripada pelantar kerja papan suis itu, dan mana-mana peralatan penyukat dan penunjuk yang disambungkan kepadanya hendaklah ditempatkan mengikut apa-apa cara supaya radas itu boleh diperhatikan daripada pelantar kerja.

(6) Jika radas, peralatan penyukat dan penunjuk yang disebut dalam subperaturan (5) dikendalikan atau diperhatikan daripada mana-mana tempat, langkah awasan yang mencukupi hendaklah diambil bagi mencegah bahaya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 20. Mengendalikan papan suis.

Sebelum apa-apa kerja dimulakan pada papan suis---

(a) papan suis itu hendaklah dimatikan dan setiap konduktor dibumikan; atau

(b) jika papan suis itu disusun mengikut apa-apa cara supaya mana-mana konduktornya boleh dimatikan mengikut bahagian dan diasingkan dengan pemisah atau pengadang kekal atau boleh alih daripada bahagian yang bersebelahan yang konduktornya hidup, bahagian yang padanya kerja akan dibuat hendaklah dimatikan dan setiap konduktor dibumikan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 21. Papan suis dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi.

(1) Dalam suatu papan suis yang dikendalikan pada voltan tinggi atau amat tinggi---

(a) konduktor yang boleh dicapai dengan bersahaja oleh orang yang berdiri di atas pelantar kerja atau dalam mana-mana laluan papan suis hendaklah ditempatkan atau dilindungi secukupnya bagi mencegah bahaya;

(b) rangka logam mana-mana peralatan hendaklah dibumikan; dan

(c) gagang logam suis dan mana-mana gear logam bagi mengendalikan suis hendaklah dibumikan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 22. Sesalur dan sambungan bawah tanah.

(1) Talian bekalan bawah tanah hendaklah sentiasa ditebat dan dilindungi sehingga memuaskan hati Pengarah, dan apabila talian ini dipasang pada jambatan atau pembentung ia hendaklah dilindungi mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Pengarah.

(2) Pemecahan lebu, jalan atau tempat awam bagi maksud meletakkan sesalur bawah tanah dan sambungan baginya dan penimbusan serta pembaikan semulanya hendaklah dijalankan oleh pemunya, pengurusan, pemegang lesen, pihak berkuasa bekalan, atau pekerja atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan cara yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan lebu, jalan atau tempat-tempat awam itu.

(3) Kecuali bagi maksud membuat pembaikan segera, tiada sesalur bawah tanah boleh dipasang oleh pemunya, pengurusan, pemegang lesen, pihak berkuasa bekalan, atau pekerja atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada mana-mana jalan melainkan notis yang munasabah telah diberikan kepada pihak berkuasa relevan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 23. Cantuman, sambungan atau penamatan.

(1) Mana-mana cantuman, sambungan atau penamatan elektrik hendaklah dibina dan dibuat bagi memenuhi maksudnya berkenaan dengan kekonduksian, penebatan, kekuatan mekanik dan perlindungan mekaniknya.

(2) Sesuatu cantuman, sambungan atau penamatan mana-mana kabel hendaklah dijalankan oleh Pencantum Kabel.

(3) Kabel yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah termasuk---

(a) suatu kabel bertebat kandungan kertas, disalut dalam plumbum atau aluminium;

(b) kabel berperisai dengan penebatan termoset;

(c) kabel bertebat mineral;

(d) kabel bertebat polimer;

(e) kabel berisi minyak;

(f) kabel tekanan gas; dan

(g) mana-mana kabel lain yang Ketua Pengarah fikirkan pencantuman, penyambungan dan penamatan kabel itu menghendaki kemahiran khusus.

(4) Sesuatu cantuman kabel berperisai bertebatkan polivinil klorida hendaklah dijalankan oleh Pencantum Kabel.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 24. Radas mudah alih secara am.

- (1) Suatu kabel fleksibel bagi radas mudah alih hendaklah disambungkan kepada sistem dengan cantuman kekal atau palam dan soket yang dibina dengan sempurna.
- (2) Suatu radas mudah alih dan kabel fleksibelnya hendaklah dikawal dengan cara yang berkesan yang diletakkan pada tempat yang sesuai dan berupaya mematikan radas.
- (3) Suatu bahagian logam radas mudah alih yang terdedah hendaklah dibumikan secara berasingan dan mana-mana penutup logam konduktor hendaklah dibumikan.
- (4) Suatu radas mudah alih yang terdedah pada cuaca, atau yang boleh dicapai oleh mana-mana orang yang biasanya bekerja berhampiran dengan lantai berkonduksi, hendaklah daripada pembinaan bertebat sepenuhnya atau dibumikan, dan apabila ia mudah rosak dengan tak sengaja, radas itu hendaklah dilindungi selanjutnya dengan suatu pengadang yang dibumikan.
- (5) Tiada pemegang lampu mudah alih boleh bersambung logam dengan pengadang lampu atau dengan mana-mana bahagian logam terdedah lain pada lampu mudah alih yang tidak dibumikan dengan berkesan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 25. Radas mudah alih di atas kapal korek atau struktur terapung.

(1) Suatu lampu pemeriksaan mudah alih yang digunakan di atas kapal korek atau struktur terapung lain, di tempat yang biasanya terdedah pada cuaca yang lantainya boleh menjadi basah, di mana-mana tempat di bawah tanah atau di dalam ruang yang terkurung seperti di dalam dandang, tangki atau paip, atau di dalam keadaan serupa itu yang lain, hendaklah dikendalikan pada voltan yang tidak melebihi 50 volt di antara konduktor-konduktor.

(2) Suatu radas mudah alih yang digunakan dalam apa-apa keadaan yang diperihalkan dalam subperaturan (1) hendaklah disambungkan pada sesalur mengikut apa-apa cara supaya voltan ke bumi mana-mana bahagian radas itu tidak melebihi 50 volt.

(3) Suatu radas mudah alih yang sesuai digunakan pada 100 volt boleh digunakan atau dibekalkan tenaga daripada pengubah yang mempunyai lilitan 100 volt dengan poin tengah atau poin neutral lilitannya disambungkan ke bumi.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 26. Papan tanda elektrik.

- (1) Tiada litar bagi mana-mana papan tanda elektrik boleh menggunakan voltan melebihi 7,500 volt ke bumi, yang diukur pada litar terbuka.
- (2) Maka hendaklah ada cara berkesan memutuskan sambungan atau pengasingan supaya pembaikan atau penyenggaraan papan tanda elektrik itu boleh dijalankan dengan selamat.
- (3) Suis yang biasanya digunakan bagi mengawal litar hendaklah terdiri daripada jenis dua kutub dan mempunyai kadaran arus yang mencukupi.
- (4) Suis yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah dipasang dalam kedudukan yang mudah diakses dan hendaklah ditanda "SUIS KAWALAN".
- (5) Mana-mana rangka dan bahagian logam yang terdedah bagi suatu papan tanda elektrik dan mana-mana kabel hendaklah dibumikan dengan berkesan.
- (6) Seorang Kontraktor Papan Tanda Elektrik yang memasang mana-mana papan tanda elektrik hendaklah memberitahu pegawai penjaga Balai Bomba tempatan sebelum papan tanda elektrik itu dipasang untuk digunakan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 27. Suis bomba, notis dan pengubah.

(1) Suis bomba hendaklah diadakan bagi---

(a) mana-mana papan tanda elektrik luar; dan

(b) mana-mana papan tanda elektrik dalam.

yang tidak dijaga.

(2) Suis bomba yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:

(a) ia hendaklah disusun bagi membolehkannya mengasingkan papan tanda elektrik itu daripada semua kutub bekalan itu kecuali daripada kutub neutral bekalan empat dawai fasa tiga;

(b) ia hendaklah dicat merah dan dipasang berdekatan dengannya suatu plat nama yang mempunyai perkataan "SUIS BOMBA" yang tertulis di atasnya dalam huruf besar berwarna putih dan kedudukan "ON" dan "OFF" hendaklah ditunjukkan dengan jelas dengan kedudukan "OFF" di atas dan semua huruf hendaklah mudah dibaca orang yang berdiri di atas tanah;

(c) ia hendaklah dipasang pada tempat yang mudah dilihat dan boleh diakses semunasabahnya oleh ahli bomba dan tidak lebih daripada 2,700 milimeter daripada tanah;

(d) berkenaan dengan papan tanda elektrik luar, suis itu hendaklah terletak betul-betul di bawah papan tanda elektrik atau notis yang menunjukkan kedudukannya hendaklah dipasangkan betul-betul di bawah papan tanda elektrik dan plat nama hendaklah dipasang berdekatan dengan suis itu supaya ia boleh dibezakan dengan jelas;

(e) berkenaan dengan papan tanda elektrik dalam, suis hendaklah diletakkan pada pintu masuk utama bangunan atau di tempat yang dipersetujui oleh pegawai penjaga Balai Bomba tempatan; dan

(f) jika terdapat lebih daripada satu suis bomba dipasang dalam mana-mana bangunan, setiap suis itu hendaklah ditandakan dengan jelas untuk menunjukkan papan tanda elektrik atau bahagian papan tanda elektrik yang dikawal oleh suis itu dan pegawai penjaga Balai Bomba tempatan hendaklah diberitahu sewajarnya;

(g) suatu suis bomba hendaklah disediakan dengan kunci atau alat pengunci direka bentuk untuk mencegah suis itu dengan tak sengaja berbalik kepada kedudukan "ON"; dan

(h) di mana-mana praktik, suatu papan tanda elektrik luar pada mana-mana bangunan hendaklah dikawal oleh suis bomba tunggal.

(3) Notis bahaya yang berukuran tidak kurang daripada 150 milimeter lebar dan 100 milimeter tinggi yang dibuat daripada bahan yang sesuai dengan hurufnya berwarna merah di atas latar belakang berwarna putih yang mengandungi perkataan "BAHAYA VOLTAN TINGGI" hendaklah dipasang dalam kedudukan yang ketara bersebelahan dengan papan tanda elektrik atau pada pengubah jika ia tidak secara langsung bersebelahan dengan papan tanda elektrik yang sama, dan dalam hal papan tanda elektrik yang sama, dan hal papan elektrik mudah alih, notis itu hendaklah dipasang pada pengubah.

(4) Suatu pengubah yang digunakan pada papan tanda elektrik hendaklah mempunyai plat nama menunjukkan yang berikut:

(a) nama dan alamat pembuat;

(b) nama jenis pembuat;

(c) litar terbuka punca min kuasa dua (p.m.k.d.) voltan sekunder kepada teras;

(d) arus primer berkadaran;

(e) voltan primer berkadaran; dan

(f) frekuensi.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 28. Langkah-langkah yang hendaklah diambil oleh pemunya atau pengurusan.

Pemunya atau pengurusan pemasangan hendaklah---ai

(a) menyenggara papan tanda elektrik sepanjang masa bagi memastikan keselamatan yang mencukupi supaya menghindarkan bahaya;

(b) mengambil langkah awasan yang mencukupi untuk mencegah orang tak diberikuasa daripada menyentuh mana-mana bahagian papan tanda elektrik.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 29. Pemasangan yang tidak digunakan.

Apabila terdapat mana-mana bahagian sistem atau sesuatu pemasangan tidak digunakan, bahagian itu hendaklah diasingkan daripada punca tenaga dan tidak boleh dibiarkan bertenaga.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 30. Kuasa Pengarah membuat pelarasan atau pindaan kepada pemasangan.

Apabila sesuatu pemasangan didapati akan menyebabkan gangguan tak wajar kepada bekalan elektrik kepada pengguna atau kepada pemasangan lain, Pengarah boleh menghendaki pemunya, penghuni atau pengurusan pemasangan untuk membuat pelarasan atau pindaan kepada pemasangan atau pengendalian sistem elektrik itu setakat yang, pada pendapatnya perlu, bagi membetulkan keadaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 31. Pemasangan bagi peleburan elektrik, X-ray, dsb.

Mana-mana pemasangan bagi peleburan elektrik atau mana-mana proses metalurgi elektrik yang lain atau mana-mana pemasangan X-ray hendaklah dikawal dan dikendalikan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 32. Pemasangan di tempat-tempat hiburan awam.

(1) Di tempat-tempat hiburan awam, apa-apa meter atau suis utama yang digunakan berkaitan dengan pengambilan bekalan elektrik daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dipasang di dalam kepungan daripada saiz yang mencukupi yang hendaklah dibuat daripada bahan rintangan api dan dialih udara secukupnya dan jika kepungan itu terletak di tempat terbuka, kepungan itu hendaklah daripada pembinaan kalis cuaca.

(2) Penyambungan punca bekalan elektrik kepada papan suis projektor, papan suis pentas atau papan kawalan lain hendaklah mudah diakses.

(3) Mana-mana bahagian suis, pemutus litar atau fuis dan mana-mana konduktor hidup hendaklah dilindungi untuk mengelakkan sentuhan tak sengaja dengannya.

(4) Mana-mana papan suis, papan fuis, pemutus litar atau radas pengawalan elektrik yang lain hendaklah dipasang dengan apa-apa cara bagi mengelakkan daripada diakses oleh orang selain daripada orang kompeten atau orang yang di bawah penyeliaan langsung orang kompeten.

(5) Suis tertutup dan pemutus litar selain daripada suis lampu hendaklah mempunyai tanda kedudukan "ON dan "OFF" yang ditunjukkan dengan jelas.

(6) Suis, pemutus litar dan papan fuis hendaklah dilabelkan untuk menunjukkan dengan jelas litar yang dikawalinya.

(7) Penggunaan kabel fleksibel bagi radas mudah alih hendaklah dielakkan dan jika ia tidak dapat dielakkan kabel yang digunakan itu hendaklah sependek yang mungkin.

(8) Di dalam, bilik tayangan panggung wayang---

(a) pendawaian untuk bekalan pada voltan yang berlainan hendaklah diasingkan dan dibezakan;

(b) sublitar yang berlainan hendaklah diadakan bagi lampu dan tiada radas lain selain daripada lampu dalam bilik tayangan itu boleh disambungkan pada sublitar tersebut; dan

(c) apa-apa projektor, lampu, rektifier atau pengubah hendaklah dikawal dengan suis dua kutub berasingan yang terletak di tempat yang boleh diakses dengan mudah oleh pengendali.

(9) Jika radas bergerak disusun untuk dihidupkan atau diberhentikan dari tempat yang jauh daripada radas itu, suis pengasing yang sesuai hendaklah dipasang berdekatan dengan radas itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 33. Pemasangan di atas kapal korek atau struktur terapung.

(1) Mana-mana pemasangan lampu dengan lampu nyahcas berkelau termasuklah lampu pendarfluor di atas kapal korek, struktur terapung atau pelantar luat pesisir hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan yang berikut:

(a) voltan di antara mana-mana dua konduktor hendaklah tidak melebihi 255 volt;

(b) mana-mana litar akhir bagi membekalkan tenaga kepada suatu lampu nyahcas tidak boleh mempunyai apa-apa radas lain yang disambungkan kepadanya; dan

(c) cara hendaklah diadakan bagi memastikan nyahcas serta-merta tenaga yang tersimpan dalam kapasitor apabila bekalan tenaga diputuskan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 34. Pembedaan bahagian logam, poin neutral, dsb.

(1) Mana-mana penyalut, tudung, gagang, peti cantuman, peti suis, peti fius, bingkai gear suis yang berlogam dan rangka dan tapak logam mana-mana janakuasa, penukar, rektifier dan motor, peti dan teras berlogam bagi mana-mana pengubah, dan bingkai dan penutup logam bagi mana-mana peti sejuk, dapur memasak dan kelengkapan elektrik lain termasuklah apa-apa perkakas domestik, kecuali yang digolongkan sebagai binaan kelas II, hendaklah dibumikan dengan berkesan.

(2) Mana-mana paip air yang disambungkan kepada sistem bekalan air awam tidak boleh digunakan sebagai satu-satunya cara membumi.

(3) Mana-mana paip gas tidak boleh digunakan sebagai satu-satunya cara membumi.

(4) Poin neutral sistem arus ulang-alik atau poin tengah sistem arus terus tidak boleh disambungkan ke bumi pada lebih daripada satu poin, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah.

(5) Jika poin neutral tengah sistem tidak dibumikan dengan berkesan, peranti penunjuk dan pelindung hendaklah dipasang bagi mengelakkan bahaya yang disebabkan oleh kebocoran arus ke bumi daripada konduktor hidup.

(6) Jika kebenaran Ketua Pengarah telah diperolehi untuk menggunakan konduktor neutral sebagai konduktor bumi untuk membumikan rangka radas elektrik itu, konduktor neutral itu tidak boleh digunakan sebagai konduktor blik untuk bekalan fasa tunggal.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 35. Kaedah pbumian.

Dalam mana-mana pemasangan sistem pbumian konduktor yang lengkap yang dibuat daripada bahan yang boleh diterima dan mempunyai luas keratan rentas yang mencukupi dengan satu atau lebih plat bumi, paip atau rod hendaklah diadakan. Sistem membumi itu hendaklah disambungkan ke bumi dan disenggarakan dengan berkesan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 36. Perlindungan terhadap arus kebocoran bumi.

(1) Bagi suatu pemasangan di tempat hiburan awam, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dibuat bagi mana-mana litar akhir membekalkan tenaga kepada sesuatu kelengkapan yang dimaksudkan untuk mengadakan perkhidmatan kepada orang awam atau yang dimaksudkan boleh diakses, digunakan atau dikendalikan oleh orang ramai dengan menggunakan peranti arus baki yang mempunyai kendalian baki terkadar tidak melebihi 10 miliampere.

(2) Bagi sesuatu pemasangan di tempat yang lantainya berkemungkinan akan basah atau jika dinding atau kepingan berintang elektrik yang rendah, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dibuat pada mana-mana litar akhir yang membekalkan tenaga kepada mana-mana kelengkapan, sama ada secara berasingan, atau dalam kumpulan, dengan peranti arus baki yang mempunyai arus kendalian baki terkadar tidak melebihi 10 miliampere.

(3) Bagi sesuatu pemasangan jika kelengkapan, radas atau perkakas yang dipegang dengan tangan digunakan atau berkemungkinan digunakan, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dibuat pada mana-mana litar akhir, sama ada secara berasingan atau dalam kumpulan, dengan peranti arus baki yang mempunyai arus kendalian baki terkadar tidak melebihi 100 miliampere melainkan---

(a) atas sebab-sebab fungsi, adalah tidak praktik untuk mengadakan perlindungan itu; atau

(b) adalah tidak selamat atau berbahaya untuk mengadakan perlindungan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 37. Ruang bagi papan suis atau kelengkapan.

Mana-mana bahagian sesuatu pemasangan yang papan suis atau kelengkapan dipasang di dalam mana-mana premis---

(a) hendaklah cukup terang, dialih udara dan sentiasa kering;

(b) hendaklah bebas daripada halangan bagi membolehkan papan suis atau kelengkapan itu dikendalikan dengan selamat;

(c) hendaklah cukup dimensinya bagi mengadakan ruang yang cukup bagi pengendalian atau penyenggaraan yang selamat; dan

(d) tidak boleh digunakan bagi apa-apa jenis penstoran.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 38. Notis.

(1) Suatu notis standard yang mempamerkan perkataan "DILARANG MASUK" hendaklah diletakkan di luar tempat yang mengandungi kelengkapan elektrik jika gangguan tanpa kebenaran pada kelengkapan itu adalah dijangkakan dan jika gangguan sedemikian adalah membahayakan.

(2) Notis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah daripada bahan yang sesuai, 350 milimeter lebar dan 240 milimeter tinggi dengan huruf berwarna hitam atas latar belakang berwarna putih, dan perkataan "DILARANG MASUK" hendaklah ditulis dengan huruf besar di tengah-tengah, dengan tulisan berukuran 290 milimeter tinggi dan jarak hurufnya ialah 6 milimeter.

(3) Notis standard yang mempamerkan perkataan "BAHAYA" hendaklah diletakkan di tempat yang mudah dilihat berdekatan dengan papan suis.

(4) Notis yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah daripada bahan yang sesuai, berukuran 240 milimeter lebar dan 350 milimeter tinggi dengan huruf berwarna merah di atas latar belakang berwarna putih, dan di atasnya hendaklah mempunyai garisan tiga halilintar biasa yang setiapnya berukuran 80 milimeter tinggi dan 6 milimeter lebar pada bahagian yang paling lebar, dan di bawahnya perkataan "BAHAYA" hendaklah ditulis dengan huruf besar, dengan tulisan 190 milimeter panjang dan 28 milimeter tinggi dan jarak hurufnya ialah 6 milimeter.

(5) Notis-notis di bawah subperaturan (1) dan (3) hendaklah mudah dibaca dan ditempatkan di tempat yang mudah dilihat.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 39. Arahan bagi rawatan renjatan elektrik.

(1) Arahan dalam bahasa kebangsaan tentang cara bagi yang sesuai merawat orang yang terkena renjatan elektrik hendaklah dilekatkan pada mana-mana pemasangan, selain daripada pemasangan domestik, tempat orang biasanya diambil kerja dan tempat elektrik dijanakan, diubah atau digunakan.

(2) Pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan sesuatu pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil kerja ditempat itu memahami dan tahu mengenai arahan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 40. Alat pemadam api.

Alat pemadam api hendaklah disediakan oleh pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan sesuatu pemasangan, selain daripada pemasangan domestik, dan alat pemadam itu hendaklah disimpan di premis itu untuk digunakan pada bila-bila masa.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 41. Syarat-syarat am talian aerial.

Syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai bagi talian aerial:

- (1) Konduktor talian hendaklah daripada tembaga tarikan keras, tembaga kadmium, aluminium atau aluminium teras-keluli, atau bahan lain yang diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.
- (2) Sesuatu konduktor talian, melainkan ia ditebat dengan berkesan, hendaklah tak boleh diakses oleh orang secara bersahaja dalam sesuatu bangunan atau mana-mana tempat lain.
- (3) Ketinggian konduktor talian itu hendaklah ditambah atau kedudukannya diubah bagi mengadakan keegaan yang mencukupi bagi keselamatan mengikut penggunaannya.
- (4) Cara-cara yang berkesan hendaklah diadakan bagi memastikan bahawa konduktor talian itu mati selepas ia terjatuh disebabkan terputus atau selainnya.
- (5) Mana-mana kerja logam atas sokongan selain daripada konduktor dalam 3048 milimeter dari tanah di mana-mana jua terletak, hendaklah dibumikan secara berkesan pada setiap sokongan atau disambungkan pada konduktor bumi atas berterusan yang hendaklah dibumikan dengan berkesan pada tidak kurang daripada empat poin pada setiap 1.61 kilometer.
- (6) Mana-mana dawai umbang di bawah subperaturan (5) hendaklah dibumikan secara berkesan kecuali jika ia disambungkan dengan kerja keluli yang tak dibumikan pada sokongan-sokongan tiang kayu yang dalam hal ini ia hendaklah ditebat dengan cara penebatan yang ditempatkan pada setiap dawai umbang yang ketinggiannya tidak kurang daripada 3048 milimeter dari tanah.
- (7) Neutral bumi berbilang tidak boleh dipasang kecuali mendapat kelulusan bertulis Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.
- (8) Suatu konduktor talian, selain daripada neutral bumi berbilang, hendaklah dipasangkan pada sokongan kayu, besi, keluli, atau konkrit tetulang.
- (9) Setiap langkah awasan hendaklah diambil bagi mencegah kakisan mana-mana kerja logam dan pemburukan pada tiang dan sokongan kayu pada atau di bawah permukaan tanah.
- (10) Talian khidmat hendaklah disambungkan pada konduktor talian pada poin sokongan sahaja dan hendaklah dipasangkan pada penebat di premis pengguna.
- (11) Peruntukan yang mencukupi hendaklah dibuat bagi mana-mana konduktor talian yang menjadi bahagian sesuatu sistem kepada voltan yang berbeza, dibina pada tiang atau sokongan yang sama, untuk---
 - (a) perlindungan terhadap bahaya kepada mana-mana orang yang bekerja pada sistem itu; dan
 - (b) perlindungan terhadap voltan rendah disebabkan oleh kebocoran daripada, atau apabila ia bersentuhan dengan, sistem voltan yang lebih tinggi.
- (12) Sesuatu talian aerial, termasuklah sokongan dan bahagian strukturnya, dan mana-mana perkakas atau peranti elektrik yang dipunyai atau disambungkan padanya, hendaklah selalu diperiksa dan disenggara secara berkesan.
- (13) Mana-mana pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengalihkan talian aerial apabila tidak lagi menggunakannya untuk penghantaran tenaga.

(14) Faktor keselamatan sesuatu konduktor talian hendaklah---

(a) berdasarkan kepada beban pemutus dan hendaklah dikira dengan anggapan bahawa konduktor talian itu ialah pada suhu 21 darjah Celsius; dan

(b) talian konduktor itu hendaklah secara serentak tertakluk kepada angin selaju 96.56 kilometer sejam pada sudut tepat pada talian itu dan angin ini hendaklah, dikira sebagai mengenakan suatu tekanan yang bersamaan dengan 0.05 gram semilimeter persegi yang dihitung pada seluruh kawasan unjuran talian itu.

(15) Ketinggian dari tanah mana-mana konduktor talian atau dawai bumi tambahan dalam udara tenang tidak boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, kurang daripada ketinggian yang bersesuaian dengan voltan sistem itu dan keadaan yang ditunjukkan di bawah:

<i>Voltan sistem antara konduktor</i>	<i>Di atas jalan</i>	<i>Selain daripada di atas jalan</i>	<i>Dalam kedudukan tak boleh akses kepada lalulintas kenderaan</i>
Tidak melebihi 600 volt	5.49	5.18	4.57
Melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 11,000 volt	5.79	5.49	4.88
Melebihi 11,000 volt tetapi tidak melebihi 66,000 volt	6.10	6.10	5.18
Melebihi 66,000 volt tetapi tidak melebihi 132,000 volt	6.70	6.70	5.79
Melebihi 132,000 volt tetapi tidak melebihi 275,000 volt	7.00	7.00	7.00
Melebihi 275,000 volt	7.30	7.30	7.30

(16) Mana-mana konduktor talian bertebat, yang dikendalikan pada voltan yang tidak melebihi voltan rendah, hendaklah ditamatkan di atas bangunan pada ketinggian yang tidak kurang daripada 2.74 meter dari atas bumi jika penggunaan biasa bangunan itu tidak menyebabkan bahaya sentuhan tak sengaja dengan konduktor talian itu oleh orang yang biasanya menjadi pemastautin atau, diambil kerja dalam bangunan itu, atau melawat bangunan itu.

(17) Sesuatu konduktor talian tidak boleh melintasi, di atas atau di bawah, mana-mana aerial radio, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

(18) Jika suatu talian aerial melintasi, di atas atau di bawah atau berhampiran dengan talian aerial yang lain, kelegaan

yang mencukupi mestilah dikekalkan, dan jika satu daripada talian aerial itu dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi, dan talian aerial lain pada voltan rendah, perlindungan yang sesuai hendaklah diadakan untuk melindungi talian bervoltan rendah itu daripada bahaya disebabkan oleh voltan berlebihan sekiranya berlaku apa-apa

sentuhan antara dua talian disebabkan terputusnya mana-mana konduktor talian mana-mana talian aerial.

(19) Di poin lintasan mana-mana talian aerial di bawah subperaturan (18), perlindungan hendaklah diadakan dengan suatu pengadang sambut yang dibumikan antara dua talian aerial, dan jika talian bervoltan lebih tinggi itu melintasi atas talian bervoltan rendah, pengadang sambut itu tidak boleh didirikan di atas sokongan talian bervoltan lebih rendah dan tidak boleh disambungkan pada mana-mana konduktor talian bervoltan lebih rendah atau konduktor bumi tambahan.

(20) Sesuatu pengadang sambut di bawah sesuatu talian aerial hendaklah yang dibuat daripada dawai yang paling luar pada setiap sisi pengadang itu suatu garisan dilukiskan ke atas ke arah bahagian tengah pengadang itu pada sudut 45 darjah mengufuk, hendaklah menutup sepenuhnya konduktor talian itu.

(21) Sesuatu pengadang sambut hendaklah diumbang dengan sesuai jika perlu, dan sekiranya terputusnya mana-mana konduktor atau semua konduktor talian itu, pengadang sambut ini hendaklah menyokong mana-mana konduktor talian yang terjatuh tanpa kerosakan serius dan tanpa membenarkan konduktor talian atau dawai pengadang sambut itu menyentuh aerial yang dilindungi atau mana-mana jalan di bawah pengadang itu.

(22) Sesuatu dawai pengadang sambut hendaklah daripada dawai tembaga tarikan keras atau dawai keluli berlembar galvanis.

(23) Pengadang sambut hendaklah disambungkan di kedua-dua hujung pada plat atau paip bumi berkesan dan pada dawai bumi berterusan, jika di adakan, dan rintangan elektrik pengadang sambut ke bumi itu hendaklah dikekalkan pada nilai rendah yang secukupnya bagi memastikan pengendalian serta-merta peranti pelindung yang mengawal litar sekiranya berlaku kerosakan penempatan antara konduktor talian dengan pengadang sambut.

(24) Sesuatu dawai penfadang sambut, termasuklah ikatan silangnya, mestilah disenggarakan dalam keadaan teratur dan baik dan rintangan setiap setiap susunan dawai pengadang sambut mestilah dikekalkan pada nilai yang rendah secukupnya supaya, sekiranya pengadang sambut, konduktor talian dengan dawai pengadang sambut, konduktor talian hendaklah dimatikan.

(25) Sesuatu talian aerial boleh melintas di atas landasan keretapi dengan syarat bahawa, dalam semua hal, kebenaran bertulis terdahulu daripada pihak berkuasa relevan telah diperolehi dan mana-mana lintasan itu hendaklah dipasang dan dilindungi mengikut cara yang ditetapkan dalam subperaturan (20), (21), (22), (23) dan (24) dan menurut apa-apa arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah atau pihak berkuasa relevan mengikut mana-mana yang berkenaan.

(26) Tiada cantuman pada sesuatu konduktor talian boleh dibuat pada mana-mana jarak talian aerial lain atau talian telekomunikasi, jalan, landasan keretapi atau jalan air yang boleh dilayari.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 42. Talian aerial dikendalikan pada voltan rendah.

Syarat-syarat yang berikut hendaklah terpakai bagi talian aerial yang dikendalikan pada voltan rendah:

(a) suatu talian aerial hendaklah dilindungi daripada kebocoran dengan cara yang berikut:

(i) dalam hal apabila tiang-tiang logam digunakan, dawai bumi yang dipasang daripada tiang ke tiang dan disambungkan ke tiang itu hendaklah digunakan; atau

(ii) dalam hal apabila tiang-tiang kayu atau konkrit digunakan, dawai pengikat disambungkan pada kerja logam sokongan kesemua penebat dan ditamatkan pada poin yang paling rendah hendaklah digunakan; dan

(iii) dalam semua hal, neutral hendaklah konduktor paling rendah sesuatu talian aerial.

(b) konduktor talian boleh melintas, di atas atau di bawah, mana-mana talian komunikasi atas, dengan syarat bahawa lintasan itu dipasang dan dilindungi menurut peruntukan subperaturan 41(21), (22), (23), (24) dan (25) dan menurut apa-apa arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah atau pihak berkuasa telekomunikasi;

(c) kelegaan di antara konduktor talian dengan bangunan atau struktur, selain daripada pencawang, hendaklah dikekalkan pada tidak kurang daripada 2,134 milimeter mengufuk atau tidak kurang daripada 2,743 menegak, melainkan jika kebenaran bertulis Ketua Pengarah telah diperolehi untuk mengadakan kelegaan yang berbeza;

(d) tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran sah daripada pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pemasangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti dalam jarak 2,134 milimeter mengufuk atau 2,743 milimeter menegak mana-mana konduktor talian.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN II - PEPASANGAN

Peraturan 43. Talian aerial dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi.

Syarat-syarat yang berikut hendaklah terpakai bagi suatu talian aerial yang dikendalikan dengan voltan tinggi atau voltan amat tinggi;

(a) mana-mana kerja logam selain daripada konduktor, tetapi termasuk dawai umbang, hendaklah dibumikan secara kekal dan berkesan dan bagi maksud ini dawai bumi berterusan hendaklah diadakan dan disambungkan kepada bumi pada tidak kurang daripada empat poin dalam setiap 1.61. kilometer, jarak antara poin-poin ini hampir sama yang mungkin, atau bahagian logam itu hendaklah disambungkan pada peranti membumi berkesan pada setiap sokongan berasingan;

(b) jika talian aerial melintasi di atas jalan, suatu pengadang sambut yang sesuai hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak subperaturan 41(21), (22), (23), (24) dan (25) dan Ketua Pengarah boleh dalam hal keadaan yang khas mengecualikan pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada mematuhi subperaturan ini;

(c) tiada talian aerial boleh didirikan di sepanjang jalan tanpa kelulusan bertulis terdahulu daripada Ketua Pengarah yang boleh menghendaki langkah awasan khas dan kaedah-kaedah pembinaan yang akan diterima pakai;

(d) konduktor talian yang dikendalikan pada voltan tidak melebihi 66,000 volt boleh melintas di atas talian telekomunikasi atas dengan syarat bahawa lintasan itu dipasang dan dilindungi dengan cara yang dikehendaki oleh subperaturan 41(21), (22), (23), (24) dan (25) dan menurut apa-apa arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah atau pihak berkuasa telekomunikasi;

(e) sokongan talian aerial atau struktur hendaklah ditandakan secara jelas dan kekal dengan suatu nombor;

(f) sokongan talian aerial atau struktur hendaklah dinomborkan secara berturutan;

(g) peruntukan yang mencukupi hendaklah dibuat untuk mencegah pemanjatan tanpa kebenaran mana-mana kekisi keluli atau tiang sokongan talian aerial atau struktur jenis lain;

(h) notis bahaya bercorak standard yang ditetapkan dalam subperaturan 38(3) dan (4) hendaklah dipasang pada setiap sokongan atau struktur jika suatu talian aerial didirikan di sepanjang atau melintasi jalan, terusan, sungai yang boleh dilayari atau landasan keretapi atau melintas di atas mana-mana konduktor atas yang lain;

(i) kelegaan antara konduktor talian dengan bangunan atau struktur, selain daripada pencawang, hendaklah dikekalkan pada tidak kurang daripada 4.57 meter, melainkan jika kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah telah diperolehi untuk mengadakan kelegaan yang berbeza;

(j) tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran yang sah daripada pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti dalam jarak 4.57 meter daripada konduktor;

(k) sesuatu talian aerial yang menyalurkan tenaga pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi tidak boleh diletakkan atau ditempatkan selari atau hampir selari dengan mana-mana talian telekomunikasi yang dalam jarak 183 meter mengikut ukuran terus laluan talian bekalan yang dicadangkan:

Dengan syarat bahawa jarak 183 meter boleh ditambah atau dikurangkan oleh Ketua Pengarah setelah menimbang voltan yang akan digunakan dan semua hal keadaan yang secara amnya mempengaruhi setiap kes tertentu;

(l) tiada seorang pun, selain daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, boleh meletakkan atau menempatkan sesuatu talian aerial yang menghantar tenaga pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi dalam jarak 9.16 meter daripada mana-mana dawai talian telekomunikasi terdedah kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah;

(m) peruntukan perenggan (1) tidak terpakai bagi mana-mana talian telekomunikasi atau radas yang dipasang di dalam bangunan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 44. Perlantikan Lembaga Pemeriksa.

(1) Lembaga Pemeriksa ("Lembaga") bagi tujuan mengadakan peperiksaan bagi orang kompeten hendaklah terdiri daripada Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah lain yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah.

(2) Anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang akan ditentukan oleh Ketua Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 45. Permohonan bagi peperiksaan hendaklah dibuat kepada Lembaga.

(1) Mana-mana Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Penyelia Elektrik, Penjaga Jentera, Pendawai atau Pencantum Kabel yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah memiliki suatu Perakuan Kekompetenan yang sah yang sesuai dengan kategori itu, dengan sekatan, jika ada, yang dikeluarkan kepadanya oleh Ketua Pengarah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Sesuatu permohonan untuk mengambil peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan hendaklah dibuat secara bertulis mengikut cara yang akan ditentukan oleh Lembaga.

(3) Suatu permohonan di bawah subperaturan (2) hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dan hendaklah memutuskan sama ada pemohon itu layak untuk mengambil peperiksaan itu dan kemudiannya memberitahu pemohon tentang keputusannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 46. Kelayakan untuk menjadi Jurutera Perkhidmatan Elektrik.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik, hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;

(b) bahawa dia memiliki Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Elektrik Kompeten yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini;

(c) bahawa dia berpengalaman menjalankan kerja yang berkaitan dengan penyenggaraan dan pembaikan, baik pulih dan servis, penentukuran, ujian dan melengkapkan kelengkapan dan pengesanan kerosakan kabel;

(d) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan

(e) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga profesional yang dijalankan oleh Lembaga dan hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa---

(a) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang penyenggaraan dan pembaikan, baik pulih dan servis, penentukuran, ujian dan melengkapkan kelengkapan, termasuklah prinsip-prinsip pengendalian kelengkapan yang digunakan untuk penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, penggunaan, perlindungan dan pemeteran dalam pemasangan elektrik dan pengurusan tenaga dengan cekap;

(b) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pengesanan kerosakan kabel;

(c) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik; dan

(d) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara ujian lisan.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 47. Kelayakan untuk menjadi Jurutera Elektrik Kompeten.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Elektrik, hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;

(b) bahawa dia memegang ijazah atau kelayakan setaraf dengan ijazah dalam kejuruteraan elektrik daripada universiti atau institusi yang diiktiraf;

(c) bahawa dia adalah seorang Jurutera Profesional dalam kejuruteraan elektrik yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera menurut Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138.];

(d) bahawa dia mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang daripada limatahun dalam persekitaran di mana terdapat pengendalian kelengkapan elektrik dan telah mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup;

(e) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan

(f) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Elektrik dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga profesional yang dijalankan oleh Lembaga dan hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa---

(a) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang amalan kejuruteraan elektrik moden, termasuklah prinsip-prinsip pengendalian kelengkapan yang digunakan untuk penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, penggunaan, perlindungan dan pemeteran dalam pemasangan elektrik dan pengurusan kecekapan tenaga;

(b) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik; dan

(c) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Elektrik hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara ujian lisan.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 48. Kelayakan untuk menjadi Penyelia Elektrik.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penyelia Elektrik, hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;

(b) bahawa dia memiliki Diploma atau kelulusan yang setaraf dengan Diploma dalam kejuruteraan elektrik daripada institusi yang diiktiraf;

(c) bahawa dia mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang daripada limatahun dalam persekitaran di mana terdapat pengendalian kelengkapan elektrik dan telah mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup;

(d) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan

(e) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penyelia Elektrik dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Lembaga dan hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa---

(a) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang amalan kejuruteraan elektrik moden, termasuklah prinsip-prinsip pengendalian kelengkapan yang digunakan untuk penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, penggunaan, perlindungan dan pemeteran dalam pemasangan elektrik dan pengurusan kecekapan tenaga;

(b) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik; dan

(c) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penyelia Elektrik hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara ujian lisan.

(4) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penyelia Elektrik yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah dijalankan oleh Lembaga atau disebabkan untuk dijalankan oleh Lembaga.

(5) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 49. Kelayakan untuk menjadi Penjaga Jentera.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penjaga Jentera, hendaklah memuassakan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;
- (b) bahawa dia berumur tidak kurang daripada 20 tahun;
- (c) bahawa dia memiliki kelayakan pendidikan yang sesuai yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) bahawa dia mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang daripada tiga tahun dalam persekitaran di mana terdapat pengendalian kelengkapan elektrik dan telah mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup;
- (e) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan
- (f) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penyelia Elektrik dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Lembaga dan hendaklah memuassakan hati Lembaga bahawa---

- (a) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang amalan kejuruteraan elektrik moden, termasuklah prinsip-prinsip pengendalian kelengkapan yang digunakan untuk penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, penggunaan, perlindungan dan pemeteran dalam pemasangan elektrik dan pengurusan kecekapan tenaga;
- (b) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik; dan
- (c) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penjaga Jentera hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara ujian lisan dan boleh termasuk apa-apa ujian amali yang Lembaga fikirkan perlu;

(4) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penjaga Jentera yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah dijalankan oleh Lembaga atau disebabkan untuk dijalankan oleh sesuatu institusi yang diberi tauliah dari semasa ke semasa bagi maksud itu oleh Lembaga.

(5) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 50. Kelayakan untuk menjadi Pendawai.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pendawai, hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;

(b) bahawa dia berumur tidak kurang daripada 18 tahun;

(c) bahawa dia memiliki kelayakan pendidikan yang sesuai yang ditentukan oleh Lembaga;

(d) bahawa dia mempunyai pengalaman bekerja yang berkaitan dengan pendawaian elektrik bagi apa-apa tempoh, yang akan ditentukan oleh Lembaga, dengan seseorang Kontraktor Elektrik atau mana-mana Unit Pendawaian Persendirian atau institusi pengajian yang diiktiraf atau jabatan atau agensi Kerajaan;

(e) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan

(f) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pendawai dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Lembaga dan memuaskan hati Lembaga bahawa---

(a) dia mempunyai pengetahuan dan kemahiran amali yang mencukupi dalam pendawaian sesuatu pemasangan;

(b) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik; dan

(c) dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pendawai hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara ujian lisan dan boleh termasuk apa-apa ujian amali yang Lembaga fikirkan perlu;

(4) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pendawai yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah dijalankan oleh Lembaga atau disebabkan untuk dijalankan oleh mana-mana institusi yang diberi tauliah dari semasa ke semasa bagi maksud itu oleh Lembaga.

(5) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 51. Kelayakan untuk menjadi Pencantum Kabel.

(1) Seseorang, bagi membolehkan untuk dipertimbangkan sebagai layak menduduki peperiksaan bagi suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pencantum Kabel, hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia mematuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia;
- (b) bahawa dia berumur tidak kurang daripada 20 tahun;
- (c) bahawa dia memiliki kelayakan pendidikan yang sesuai yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) bahawa dia mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang daripada tiga tahun dalam mencantum, menyambung dan menamatkan kabel;
- (e) bahawa dia boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan; dan
- (f) bahawa dia boleh mematuhi syarat-syarat lain yang Lembaga fikirkan perlu.

(2) Sebelum suatu Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pencantum Kabel dikeluarkan kepada seseorang, dia hendaklah menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Lembaga dan hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa dia memahami kerja mencantum, menyambung, dan menamatkan pelbagai jenis kabel yang kemungkinan akan berada di bawah jagaannya dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja itu.

(3) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pencantum Kabel hendaklah berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang akan ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah dijalankan sebahagiannya secara jawapan bertulis kepada soalan yang disediakan dan sebahagiannya secara lisan dan boleh termasuk apa-apa ujian amali yang Lembaga fikirkan perlu;

(4) Peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Pencantum Kabel yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah dijalankan oleh Lembaga atau disebabkan untuk dijalankan oleh mana-mana institusi yang diberi tauliah dari semasa ke semasa bagi maksud itu oleh Lembaga.

(5) Walau apa pun subperaturan (1), (2) dan (3) Lembaga boleh mengecualikan, mengikut budi bicaranya, mana-mana orang yang daripada mana-mana atau semua kehendak yang diperlukan untuk peperiksaan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 52. Pendaftaran sementara orang asing.

(1) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa syarat yang Lembaga fikirkan sesuai untuk dikenakan, Lembaga boleh, apabila dibayar fee yang ditetapkan dalam Bahagian IV Jadual Kedua, mengeluarkan Perakuan Kekompetenan sementara sebagai orang kompeten kepada mana-mana orang asing.

(2) Orang asing boleh dipertimbangkan untuk pengeluaran Perakuan Kekompetenan itu jika dia memuaskan hati Lembaga bahawa---

(a) dia memiliki kelayakan dan kemahiran yang perlu yang diiktiraf bagi mengamalkan kejuruteraan elektrik di negara yang dia biasa mengamalkannya;

(b) dia memiliki kepakaran yang diperlukan dan kehadiran secara fizikalnya diperlukan di Malaysia; dan

(c) dia mempunyai permit kerja yang diperlukan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa relevan.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), sebelum seseorang boleh dipertimbangkan bagi maksud pendaftaran sementara sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik atau Jurutera Elektrik Kompeten, dia hendaklah berdaftar secara sementara sebagai seorang Jurutera Profesional dalam Kejuruteraan Elektrik dengan Lembaga Jurutera mengikut Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138].

(4) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan Perakuan Kekompetenan sementara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan.

(5) Orang asing yang Perakuan Kekompetenannya telah habis tempohnya boleh memohon pembaharuan tertakluk kepada peruntukan Peraturan-Peraturan ini dan Ketua Pengarah boleh memperbaharui Perakuan itu jika perlu.

(6) Bagi maksud peraturan ini, "orang asing" ertinya seseorang yang bukan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 53. Keterangan perubatan mengenai kesihatan.

Ketua Pengarah boleh menghendaki supaya keterangan perubatan kesihatan tubuh badan dan mental, yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar, dikemukakan oleh seseorang sebelum Perakuan Kekompetenan dikeluarkan kepadanya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 54. Fee bagi peperiksaan, pengendorsan dan penggantian Perakuan Kekompetenan.

Fee yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual Kedua hendaklah dikenakan lagi---

- (a) suatu peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan;
- (b) pengendorsan Perakuan Kekompetenan; dan
- (c) penggantian Perakuan Kekompetenan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 55. Sekatan atau pengendorsran Perakuan Kekompetenan.

(1) Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya---

(a) menyekat penggunaan Perakuan Kekompetenan mana-mana Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Penyelia Elektrik, Penjaga Jentera, Pendawai atau Pencantum Kabel bagi mana-mana jenis, kelas, tempoh atau tempat pemasangan;

(b) mengendors Perakuan Kekompetenan bagi seseorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal atau Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal atau Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga untuk membenarkannya menguji dan mengesahkan pendawaian mana-mana pemasangan Fasa Tunggal atau Fasa Tiga, yang masing-masingnya, dikendalikan pada voltan rendah dengan syarat bahawa Pendawai itu telah menunjukkan dia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi dalam menjalankan kerja itu sehingga memuaskan hati Lembaga; atau

(c) mengendors Perakuan Kekompetenan bagi seseorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga untuk membenarkannya memasang apa-apa pemasangan papan tanda elektrik dengan syarat bahawa Pendawai itu telah menunjukkan dia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi dalam menjalankan kerja itu sehingga memuaskan hati Lembaga.

(2) Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa pengendorsan lain pada mana-mana Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang Lembaga fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 56. Borang Perakuan Kekompetenan.

Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Penyelia Elektrik, Penjaga Jentera, Pendawai dan Pencantum Kabel hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah dan hendaklah masing-masing dalam Borang J, K, L, M, N dan O yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 57. Penyerahan balik Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di-bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(1) Seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik Perakuan itu kepada Ketua Pengarah yang akan mengeluarkan kepada orang itu Perakuan Kekompetenan baru yang berkelayakan setara.

(2) Seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum tarikh berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, dan yang melakukan apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh terus melakukan sedemikian selama tempoh dua belas bulan dari mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini dengan syarat bahawa dia telah menyerahkan balik pengeluaran Perakuan Kekompetenan yang sesuai di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Fee hendaklah dikenakan bagi mana-mana Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian IV Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 58. Perakuan Kekompetenan yang hilang atau rosak.

Jika Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah hilang, dicuri, musnah, rosak atau cacat, suatu penggantian Perakuan Kekompetenan boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah apabila dikemukakan akuan berkanun bahawa salinan asal Perakuan itu telah hilang, dicuri, atau musnah atau apabila salinan asal Perakuan Kekompetenan yang telah rosak atau cacat itu diserahkan balik dan setelah membayar fee yang ditetapkan dalam Bahagian IV Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 59. Penggantungan dan pembatalan Perakuan Kekompetenan.

(1) Ketua Pengarah boleh, selepas berakhirnya sesuatu siasatan di bawah Akta atau apabila menimbangkan penghakiman mana-mana mahkamah atau mana-mana siasatan kematian yang diadakan di bawah Kanun Prosedur Jenayah [*N.M.N. Bab 6.*], jika didapati perlu oleh Ketua Pengarah untuk berbuat sedemikian, menggantung bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang diputuskan olehnya atau membatalkan secara mutlak mana-mana Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika pemegang Perakuan itu telah memperolehnya dengan membuat atau menyebabkan dibuat suatu perisytiharan, perakuan atau representasi palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau selainnya.

(3) Ketua Pengarah boleh mengendors, menggantung atau membatalkan mana-mana Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dalam hal salah laku yang serius.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), "salah laku yang serius" ertinya satu atau lebih daripada yang berikut:

(a) tidur semasa bertugas;

(b) menyebabkan kerosakan kepada kelengkapan kerana pengendalian tak cermat;

(c) menyebabkan bahaya kepada nyawa kerana pengendalian tak cermat;

(d) menyebabkan kerosakan pada kelengkapan kerana abai menggunakan peranti keselamatan yang disediakan;

(e) menyebabkan bahaya kepada nyawa kerana abai menggunakan peranti keselamatan yang disediakan;

(f) berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau kedua-duanya sekali semasa bertugas;

(g) membuat atau menyebabkan dibuat pengisytiharan, perakuan atau representasi palsu atau fraud secara bertulis atau selainnya; atau

(h) gagal menjalankan apa-apa tugas yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(5) Apabila Pengarah mempunyai sebab mempercayai bahawa orang yang memegang Perakuan Kekompetenan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana salah laku yang serius di bawah Peraturan-Peraturan ini dan tidak lagi layak memegang Perakuan Kekompetenan, beliau hendaklah dengan serta-merta menggantung Perakuan itu dan merujuk perkara itu dalam masa tujuh hari kepada Ketua Pengarah.

(6) Apabila menerima perkara yang yang disebut dalam subperaturan (5), Ketua Pengarah hendaklah, dalam masa tujuh hari, melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada Pengerusi sebagai wakilnya dan dua orang Pengarah lain yang dinamakan oleh Ketua Pengarah untuk menyiasat kesalahan yang dikatakan yang dirujuk oleh Pengarah itu.

(7) Orang yang Perakuan Kekompetannya telah digantung di bawah subperaturan (5) hendaklah diberi peluang untuk membela diri terhadap kesalahan yang dikatakan itu di hadapan Jawatankuasa.

(8) Jawatankuasa itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh perantikannya, mengemukakan dapatan dan syor-syornya kepada Ketua Pengarah yang akan memutuskan sama ada untuk mengendors, atau menggantung bagi apa-apa tempoh, atau membatalkan secara mutlak, Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(9) Seseorang, yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah subperaturan (8) boleh memohon kepada Menteri bagi pertimbangan semula perkara itu. Permohonan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh apabila keputusan Ketua Pengarah diterima olehnya dan hendaklah mengandungi alasan kekilanan itu.

(10) Keputusan Menteri tentang perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah subperaturan (9) adalah muktamad.

(11) Seseorang, yang Perakuan Kekompetennya dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah digantung, tidak boleh, dalam tempoh penggantungan itu, membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara yang di bawah Peraturan-Peraturan ini seseorang itu dibenarkan untuk membuat sebagai pemegang Perakuan Kekompetenan itu.

(12) Seseorang, yang Perakuan Kekompetennya dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah dibatalkan, tidak boleh, selepas tarikh pembatalan itu, membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara yang di bawah Peraturan-Peraturan ini yang seseorang itu dibenarkan untuk membuat sebagai pemegang Perakuan Kekompetenan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 60. Orang kompeten.

(1) Orang kompeten untuk mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan yang dikehendaki oleh mana-mana pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, melainkan dikecualikan di bawah Akta, disyorkan oleh orang yang berikut:

(a) jika pemasangan elektrik dikendalikan pada voltan yang tidak melebihi 600 volt---

(i) seseorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik;

(ii) seorang Jurutera Elektrik Kompeten;

(iii) seorang Penyelia Elektrik; atau

(iv) seorang Jurutera Elektrik Kompeten residen;

(b) jika pemasangan dikendalikan pada voltan melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 132,00 volt---

(i) seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik;

(ii) seorang Jurutera Elektrik Kompeten; atau

(iii) seorang Jurutera Elektrik Kompeten residen; dan

(c) jika pemasangan dikendalikan pada voltan pada atau melebihi 132,000 volt, seorang Jurutera Elektrik Kompeten residen.

(2) Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten, Jurutera Elektrik Kompeten residen atau Penyelia Elektrik, mengikut mana-mana yang berkenaan dalam subperaturan (1) hendaklah---

(a) mengesyorkan orang kompeten yang akan bekerja atau mengendalikan atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian dan yang hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerja atau kendalian yang dijalankan oleh mana-mana orang yang di bawah kawalannya; dan

(b) mendapat kelulusan daripada Pengarah orang kompeten yang disebut dalam perenggan (a),

bagi pemasangan atau kelengkapan yang dipunyai oleh pemunya, pengurusan atau pemegang lesen.

(3) Pemunya, pengurusan atau pemegang lesen sesuatu pemasangan atau kelengkapan hendaklah memathi syor itu sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah di bawah subperaturan (2).

(4) Sekiranya berlaku pertikaian antara pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan atau kelengkapan dengan Pengarah tentang orang kompeten yang dikehendaki bagi pemasangan dalam subperaturan (2), pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah yang akan menjalankan kuasanya di bawah seksyen 34 Akta.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 61. Orang kompeten yang bertanggungjawab bagi pemasangan awam.

Walau apa pun peraturan 60, orang kompeten yang dikehendaki oleh pemegang lesen pemasangan awam hendaklah --

(a) mengerjakan, mengendalikan atau mengawal pemasangan awam itu; dan

(b) bertanggungjawab bagi kerja atau kendalian dalam pemasangan oleh mana-mana orang yang di bawah kawalannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 62. Orang kompeten bagi setiap giliran.

Jika mana pemasangan atau kelengkapan dikendalikan oleh dua atau lebih giliran, orang kompeten bagi setiap giliran yang dikehendaki oleh pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan atau kelengkapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 60.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 63. Pendaftaran orang kompeten.

(1) Seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan yang membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan ini berhubungan dengan Perakuan Kekompetenannya hendaklah mendaftar diri dengan Pengarah.

(2) Pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat, dan boleh diperbaharui, selama dua belas bulan, apabila dibayar fee yang ditetapkan dalam Bahagian V Jadual Kedua.

(3) Seseorang yang memegang satu atau lebih Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, tidak boleh mendaftar atau dibenarkan mendaftar perakuan atau perakuan-perakuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan lebih daripada satu majikan atau pemasangan, kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

(4) Seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten atau Penyelia Elektrik tidak boleh membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan ini yang seseorang itu dibenarkan untuk membuat sebagai pemegang Perakuan Kekompetenan itu jika dia berumur melebihi 75 tahun.

(5) Seseorang yang memegang Perakuan Kekompetenan sebagai seorang Penjaga Jentera, Pendawai atau Pencarum Kabel tidak boleh membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara di bawah Peraturan-Peraturan ini yang seseorang itu dibenarkan untuk membuat sebagai pemegang Perakuan Kekompetenan itu jika dia berumur melebihi 65 tahun.

(6) Walau apa pun subperaturan (4) dan (5), had umur seseorang boleh diketepikan atas dasar tahun ke tahun mengikut budi bicara Pengarah yang boleh menghendaki keterangan perubahan kesihatan fizikal dan mental orang itu yang disahkan oleh mana-mana pengamal perubahan berdaftar.

(7) Pemunya, pengurusan atau pemegang lesen sesuatu pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan untuk didaftarkan dalam masa tujuh hari dari pengambilan kerja atau peralihan mana-mana orang yang memegang Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah memberitahu Pengarah secara bertulis nama dan kelayakan orang itu.

(8) Pemunya, pengurusan atau pemegang lesen sesuatu pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyediakan senarai tugas bagi mengenal pasti kerja atau kendalian setiap orang kompeten dan bahagian pemasangan yang akan berada di bawah tanggungjawab setiap orang kompeten yang diambil kerja olehnya, dan senarai tugas itu hendaklah diakuterima oleh orang kompeten itu dan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 64. Orang kompeten menyambung papan suis, kelengkapan, dsb.

(1) Tiada papan suis, gear suis atau kelengkapan, kecuali mana-mana perkakas elektrik, perlengkapan atau radas elektrik yang direkabentuk untuk disambungkan kepada soket aliran keluar elektrik melalui palam, boleh disambungkan pada sesuatu pemasangan bagi maksud menerima tenaga melainkan jika sambungan itu dijalankan oleh atau di bawah kawalan orang kompeten.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), adalah tidak menyalahi undang-undang bagi seseorang untuk menggantikan mana-mana lampu dalam pemasangan domestik.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 65. Orang kompeten mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi.

Orang kompeten yang hendaklah, apabila diminta, menyediakan dan mengemukakan pelan, lukisan dan spesifikasi adalah seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian VI Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 66. Pemasangan hendaklah dilawati dan diperiksa oleh orang kompeten.

Tanpa menjejaskan apa-apa pengecualian di bawah Akta dan tertakluk kepada peraturan 67, sesuatu pemasangan hendaklah dilawati dan diperiksa oleh orang kompeten yang disebut dalam peraturan 67.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 67. Orang kompeten dan kekerapan lawatan dan pemeriksaan.

(1) Orang kompeten yang dikehendaki untuk melawat dan memeriksa pemasangan adalah seperti yang berikut:

(a) jika pemasangan itu dikendalikan pada voltan rendah---

- (i) Jurutera Perkhidmatan Elektrik;
- (ii) Jurutera Elektrik Kompeten; atau
- (iii) Penyelia Elektrik; dan

(b) jika pemasangan itu dikendalikan pada voltan yang melebihi voltan rendah---

- (i) Jurutera Perkhidmatan Elektrik; atau
- (ii) Jurutera Elektrik Kompeten.

(2) Bilangan lawatan bagi maksud pemeriksaan oleh orang kompeten yang disebut dalam peraturan (1) hendaklah seperti yang berikut:

(a) bagi pemasangan yang tidak melebihi 600 volt dan menerima tenaga melalui gear suis berkadar pada atau lebih daripada 100 ampere, bilangan minimum lawatan bagi maksud pemeriksaan sebulan adalah satu lawatan;

(b) bagi pemasangan melebihi 600 volt tetapi tidak melebihi 11,000 volt, bilangan minimum lawatan bagi maksud pemeriksaan sebulan adalah dua lawatan; dan

(c) bagi pemasangan melebihi 11,000 volt tetapi tidak melebihi 132,000 volt, bilangan minimum lawatan sebulan adalah empat lawatan:

Dengan syarat bahawa di tempat hiburan awam kekerapan pemeriksaan bagi pemasangan yang disebut dalam perenggan (a) adalah sekurang-kurangnya dua pemeriksaan sebulan:

Dengan syarat selanjutnya Ketua Pengarah boleh menentukan---

(aa) demi kepentingan keselamatan awam bilangan pemeriksaan bagi sesuatu pemasangan oleh orang kompeten hendaklah lebih daripada bilangan yang ditetapkan dalam perenggan (a), (b) atau (c); atau

(bb) jika dia berpuas hati bahawa pemasangan itu adalah selamat dan semunasabahnya terjamin, bilangan pemeriksaan bagi pemasangan itu oleh orang kompeten hendaklah kurang daripada yang dinyatakan dalam (a), (b) atau (c).

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 68. Kewajipan Jurutera atau Penyelia untuk memeriksa dan melapor.

(1) Setiap Jurutera Perkhidmatan Elektrik atau Jurutera Elektrik Kompeten atau Penyelia Elektrik yang dikehendaki untuk memeriksa sesuatu pemasangan di bawah peraturan 67 hendaklah memeriksa pemasangan itu dan hendaklah merekod dan menghantar semua dapatan, syor dan arahan kepada Pengarah dan pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten dan Penyelia Elektrik hendaklah mengemukakan kepada pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu laporan pemeriksaan tentang dapatan, syor dan arahan mengenai pemasangan dalam masa satu minggu dari pemeriksaan itu.

(3) Pemunya, pengurusan atau pemegang lesen sesuatu pemasangan hendaklah menyimpan buku tentang semua rekod dan laporan yang dibuat di bawah subperaturan (1) dan (2) dan buku itu hendaklah dibuka untuk pemeriksaan oleh Pengarah pada setiap masa.

(4) Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten atau Penyelia Elektrik hendaklah mengemukakan kepada Pengarah suatu Perakuan Pemeriksaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang I Jadual Pertama dalam masa satu minggu dari pemeriksaan pemasangan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 69. Ketua Pengarah menentukan bilangan lawatan.

Ketua Pengarah hendaklah menentukan jumlah bilangan lawatan dalam satu bulan yang boleh dilaksanakan oleh mana- mana Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten atau Penyelia Elektrik bagi maksud pemeriksaan mana-mana pemasangan yang diperuntukkan dalam peraturan 67.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 70. Kewajipan memberitahu dan membaiki kecacatan.

Mana-mana Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera elektrik kompeten atau Penyelia Elektrik yang memeriksa sesuatu pemasangan yang disebut di bawah subperaturan 67(2), dan mengetahui akan apa-apa kecacatan dalam pemasangan itu atau mana-mana kelengkapan dalamnya yang kemungkinan menyebabkan bahaya hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemunya, pengurusan atau pemegang lesen pemasangan itu supaya membaiki atau menghapuskan kecacatan itu, dan membuat laporan segera kepada Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 71. Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

(1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan atau menjalankan apa-apa penyenggaraan dan pembaikan, baik pulih dan servis, penentukuran, ujian dan perlakuan mana-mana pemasangan atau kelengkapan dan pengesanan kerosakan kabel melainkan jika dia memegang suatu Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai seorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Voltan maksimum bagi mana-mana kerja elektrik yang disebut dalam subperaturan (1) yang akan diusahakan oleh seseorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik hendaklah dihadkan pada apa jua pun sekatan voltan pengendalian yang ada dalam Perakuan Kekompetenan Jurutera Perkhidmatan Elektrik yang diambil kerja olehnya.

(3) Perakuan Pendaftaran bagi Kontraktor Perkhidmatan Elektrik hendaklah dalam Borang P yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 72. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan Pengarah berpuas hati bahawa---

- (a) orang itu telah mendaftarkan perniagaanya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa Jurutera Perkhidmatana elektrik, dan tiada apa-apa dalam perenggan ini melarang orang yang sama daripada menjadi Jurutera Perkhidmatan Elektrik itu;
- (c) orang itu mempunyai perlindungan insurans bagi pekerjaanya dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4.*]; dan
- (d) orang itu memiliki kelengkapan menguji dan peralatan yang berkaitan dengan kerjanya yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 73. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik, Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian yang berdaftar, dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham dalam hal syarikat yang berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 74. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian VII Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 75. Kontraktor Elektrik.

(1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan atau menjalankan apa-apa kerja elektrik melainkan jika dia memegang suatu Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai seorang Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik hendaklah dalam Borang Q yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 76. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor elektrik boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuas hati bahawa---

(a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;

(b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa suatu bilangan Pendawai seperti yang dinyatakan dalam peraturan 78 yang relevan dengan kelas Kontraktor Elektrik yang berhubungan dengan permohonannya;

(c) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjaanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4.*]; dan

(d) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan yang berhubungan dengan kerjanya yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 77. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktore Elektrik, Pengarah boleh menghendaki orang itu mengemukakan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian yang berdaftar, dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham dalam hal syarikat yang berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 78. Pengelasan Kontraktor Elektrik.

(1) Kontraktor Elektrik hendaklah dikelaskan di bawah mana-mana kelas yang berikut:

- (a) Kelas A;
- (b) Kelas B;
- (c) Kelas C; atau
- (d) Kelas D.

(2) Kontraktor Elektrik Kelas A hendaklah terdiri daripada mana-mana orang yang---

- (a) berupaya untuk menjalankan kerja elektrik yang melebihi satu juta ringgit nilainya;
- (b) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya tiga orang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi salah seorang daripada tiga Pendawai itu;
- (c) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji sesuatu pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang Pendawai itu daripada menjadi salah seorang daripada tiga orang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b); dan
- (d) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya dua orang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi salah seorang daripada dua orang Pendawai itu.

(3) Kontraktor Elektrik Kelas B hendaklah terdiri daripada mana-mana orang yang---

- (a) berupaya untuk menjalankan kerja elektrik yang mencapai satu juta ringgit nilainya;
- (b) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya dua orang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi salah seorang daripada dua orang Pendawai itu;
- (c) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji sesuatu pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang Pendawai itu daripada menjadi salah seorang daripada dua orang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b); dan
- (d) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu.

(4) Kontraktor Elektrik Kelas C hendaklah terdiri daripada mana-mana orang yang---

- (a) berupaya untuk menjalankan kerja elektrik yang mencapai lima ratus ribu ringgit nilainya;
- (b) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu; dan

(c) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji sesuatu pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang Pendawai itu daripada menjadi orang yang sama sebagaimana Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga dan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b); dan

(5) Kontraktor Elektrik Kelas D hendaklah terdiri daripada mana-mana orang yang---

(a) berupaya untuk menjalankan kerja elektrik yang mencapai seratus ribu ringgit nilainya;

(b) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu; dan

(c) telah mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tunggal yang diberikuasa untuk menguji sesuatu pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu; dan

(d) hendaklah hanya menjalankan kerja pendawaian pada pemasangan fasa tunggal yang menerima tenaga daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui sisten dua dawai fasa tunggal.

(6) Seseorang Kontraktor Elektrik boleh mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah untuk dinaikkan daripada satu kelas ke kelas yang lain.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 79. Fee bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian VIII Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 80. Unit Pendawaian Persendirian.

(1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa kerja pendawaian elektrik di premisnya sendiri melainkan jika dia memegang suatu Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai Unit Pendawaian Persendirian yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian hendaklah dalam Borang R yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 81. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuashati bahawa---

- (a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;
- (b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu;
- (c) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang Pendawai dalam perenggan (b) daripada menjadi Pendawai di bawah perenggan ini;
- (d) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjaanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4.]; dan
- (e) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan yang berhubungan dengan kerjanya yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 82. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian, Pengarah hendaklah menghendaki orang itu untuk mengemukakan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian berdaftar dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham, dalam hal syarikat berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 83. Fee bagi pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian IX Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 84. Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

(1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan atau menjalankan apa-apa kerja papan tanda elektrik melainkan jika dia memegang Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan- Peraturan ini.

(2) Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik hendaklah dalam Borang S sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 85. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuas hati bahawa---

(a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;

(b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu;

(c) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diberikuasa untuk menguji sesuatu pemasangan, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang orang tersebut, Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga seperti dalam perenggan (b) dan Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga yang diendors untuk menguji sesuatu pemasangan untuk menjadi orang yang sama;

(d) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjaanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4.]; dan

(e) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan yang berhubungan dengan kerjanya yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 86. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik, Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian berdaftar dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham dalam hal syarikat berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 87. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Papan Tanda Elektrik dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian X Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 88. Kontraktor Pembaikan Elektrik.

(1) Tiada seorang pun boleh, dalam perjalanan atau berkaitan dengan atau bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya, melaksanakan atau menjalankan apa-apa pemeriksaan, penservisan atau pembaikan apa-apa perkakas elektrik melainkan jika dia memegang Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan- Peraturan ini.

(2) Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik hendaklah dalam Borang T sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 89. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuashati bahawa---

(a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;

(b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa orang yang berkemahiran dan berpengalaman mencukupi dalam pembaikan dan penservisan perkakas-perkakas elektrik, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi orang yang berkemahiran itu;

(c) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4.*]; dan

(d) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan yang berhubungan dengan kerjanya yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 90. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik, Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian berdaftar dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham dalam hal syarikat berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 91. Fee bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Pembaikan Elektrik dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian XI Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 92. Pengilang Papan Suis.

(1) Tiada seorang pun boleh, dalam masa menjalankan atau berkaitan dengan atau bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya, membuat papan suis melainkan jika orang itu memegang Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai Pengilang Papan Suis, yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis hendaklah dalam Borang U sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah sah selama dua belas bulan dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 93. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikendalikan pada voltan rendah.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis bagi papan suis yang dikendalikan pada voltan rendah boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuashati bahawa---

- (a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;
- (b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu;
- (c) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Penjaga Jentera dengan sekatan yang relevan yang akan ditentukan oleh Ketua Pengarah, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang orang itu, Penjaga Jentera dan Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga seperti dalam perenggan (b) menjadi orang yang sama;
- (d) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjaanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4.*]; dan
- (e) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan bagi menguji papan suis.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 94. Kehendak bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis yang dikendalikan pada voltan rendah dan lebih tinggi daripada voltan rendah.

Tiada Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis bagi papan suis yang dikendalikan pada voltan rendah dan lebih tinggi daripada voltan rendah boleh dikeluarkan atau diperbaharui melainkan jika Pengarah berpuashati bahawa---

(a) orang itu telah mendaftarkan perniagaannya dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat, mengikut mana- mana yang berkenaan;

(b) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarangnya daripada menjadi Pendawai itu;

(c) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Penjaga Jentera dengan sekatan yang relevan yang akan ditentukan oleh Ketua Pengarah, dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang orang itu, Penjaga Jentera dan Pendawai dengan Sekatan Fasa Tiga seperti dalam perenggan (b) menjadi orang yang sama;

(d) orang itu mengambil kerja sepenuh masa sekurang-kurangnya seorang Jurutera Profesional dalam bidang kejuruteraan elektrik yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138.], dan tiada apa-apa jua dalam perenggan ini melarang orang itu, daripada menjadi Jurutera Profesional itu;

(e) orang itu mempunyai perlindungan insurans untuk pekerjaanya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dan

(f) orang itu memiliki kelengkapan yang sesuai, kelengkapan menguji dan peralatan bagi menguji papan suis.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 95. Maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis.

Sebelum mengeluarkan atau memperbaharui Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis, Pengarah boleh menghendaki orang itu memberikan maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat semua pekongsi dalam hal perkongsian berdaftar dan tentang semua pengarah, pengurus dan pemegang saham dalam hal syarikat berdaftar;
- (b) premis yang disewa atau dipunyai bagi menjalankan perniagaan; dan
- (c) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 96. Fee bagi perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis.

Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian XII Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 97. Perakuan kelulusan bagi kelengkapan.

(1) Tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklankan---

(a) apa-apa kelengkapan domestik;

(b) apa-apa kelengkapan yang biasanya dijual secara langsung kepada orang awam; atau

(c) apa-apa kelengkapan yang tidak memerlukan kemahiran khusus dalam pengendaliannya;

melainkan jika kelengkapan itu diluluskan oleh Pengarah.

(2) Suatu Perakuan Kelulusan untuk mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklankan kelengkapan itu hendaklah masing-masingnya dalam Borang V dan W yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Suatu fee memproses sebanyak dua puluh ringgit hendaklah dikenakan bagi suatu permohonan bagi Perakuan Kelulusan mana-mana kelengkapan.

(4) Fee hendaklah dibayar bagi suatu Perakuan Kelulusan dalam subperaturan (2) dan pembaharuannya pada kadar yang ditetapkan dalam Bahagian XIII Jadual Kedua.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 98. Penandaan atau pelabelan kelengkapan yang diluluskan.

Jika sesuatu kelengkapan telah diluluskan bagi pengilangan, pengimportan, pameran, penjualan atau pengiklanan oleh Pengarah, orang yang kepadanya Perakuan Kelulusan dikeluarkan di bawah peraturan 97 boleh dikehendaki oleh Pengarah supaya menanda atau melabel kelengkapan itu dan dia hendaklah melakukan sedemikian mengikut cara yang akan ditentukan oleh Pengarah.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 99. Sampel kelengkapan hendaklah dihantar-serah kepada Pengarah.

(1) Apa-apa permohonan bagi suatu Perakuan Kelulusan bagi apa-apa kelengkapan yang disebut dalam peraturan 97 hendaklah dibuat kepada Pengarah mengikut cara yang akan ditentukan oleh Pengarah.

(2) Pemohon hendaklah menghantar-serah sampel kelengkapan dalam subperaturan (1) kepada Pengarah dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengannya, termasuklah lukisan, foto-foto, risalah dan kepustakaan teknikal sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.

(3) Suatu sampel kelengkapan yang dihantar-serah hendaklah dilekatkan atau ditampalkan kepadanya label yang mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) mana penuh pemohon;

(b) jenis kelengkapan itu;

(c) kecekapan tenaga kelengkapan itu; dan

(d) katalog atau nombor jenama pengilang, atau apa-apa cara lain untuk mengenalpasti kelengkapan itu.

(4) Pengarah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan terhadap mana-mana kelengkapan yang dihantar-serah di bawah subperaturan (2).

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 100. Ujian dan ubahsuaian sebelum kelulusan.

(1) Pengarah boleh menyebabkan satu atau lebih sampel kelengkapan dalam peraturan 99 untuk diperiksa dan diuji.

(2) Jika Pengarah berpendapat bahawa kelengkapan yang diperiksa dan diuji dalam subperaturan (1) kemungkinan menyebabkan bahaya, orang yang memohon kelulusan itu hendaklah mengubahsuai atau meminda kelengkapan itu untuk disesuaikan dengan kehendak Pengarah sebelum mengemukakan apa-apa sampel selanjutnya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 101. Pengemukaan bagi ujian dan penyitaan kelengkapan berbahaya.

(1) Pengarah boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis menghendaki seseorang yang mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklankan apa-apa kelengkapan supaya menghantar-serah dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, sampel kelengkapan itu untuk pemeriksaan dan ujiannya.

(2) Jika mana-mana kelengkapan adalah, pada pendapat Pengarah, tak selamat dan berbahaya atau kemungkinan menjadi tak selamat atau berbahaya untuk digunakan, Pengarah boleh melarang pengilangan, pengimportan, pameran, pengiklanan atau penjualan kelengkapan itu dan boleh mengarahkan orang dalam subperaturan (1) untuk menarik balik dengan segera semua kelengkapan itu daripada digunakan atau dijual dan jika perlu boleh menyita dan membuang kelengkapan itu.

(3) Pengarah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan mana-mana kelengkapan yang dihantar-serah atau disita dan dibuang di bawah subperaturan (1) dan (2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 102. Pembaharuan Perakuan Pendaftaran.

Pembaharuan mana-mana Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 71, 75, 80, 84, 88 atau 92 hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari dua bulan sebelum tarikh habis tempoh Perakuan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 103. Pindahmilik Perakuan Pendaftaran.

(1) Tiada Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 71, 75, 80, 84, 88 atau 92 boleh dipindahmilik oleh pemegang Perakuan itu kepada mana-mana orang kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

(2) Pemegang mana-mana Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 71, 75, 80, 84, 88 atau 92 hendaklah memperolehi kelulusan daripada Ketua Pengarah secara bertulis bagi apa-apa perubahan tentang nama atau alamat yang berkaitan dengan perniagaan itu dan Perakuan itu hendaklah dipinda atau diganti tanpa pembayaran apa-apa fee.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 104. Pembatalan Perakuan Pendaftaran.

(1) Ketua Pengarah boleh membatalkan suatu Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 71, 75, 80, 84, 88 atau 92 jika---

(a) pemegang Perakuan itu berhenti menjalankan perniagaan yang berkenaan dengannya dia didaftarkan;

(b) pemegang Perakuan itu telah dihukum menjadi bankrap;

(c) syarikat itu dilikuidasi;

(d) pemegang Perakuan itu atau pengkhidmat atau ejennya melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini; atau

(e) pemegang Perakuan itu telah memperolehi Perakuan itu dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa akuan, pengesahan atau representasi palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau selainnya.

(2) Jika Peraturan Pendaftaran dibatalkan oleh Ketua Pengarah menurut subperaturan (1), Perakuan itu hendaklah dipulangkan kepada Ketua Pengarah oleh orang, yang kepadanya Perakuan itu telah dikeluarkan, dalam masa empat belas hari orang itu diberitahu secara bertulis tentang pembatalan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 105. Pemotongan daripada dan pemasukan semula dalam Daftar Perakuan Pendaftaran.

(1) Maka hendaklah dipotong daripada Daftar nama dan butir-butir lain mana-mana orang yang kepadanya Perakuan Pendaftaran telah dikeluarkan menurut peraturan 71, 75, 80, 84, 88 atau 92---

(a) jika dia tidak membaharui pendaftarannya pada tarikh habis tempohnya; atau

(b) jika pendaftarannya telah dibatalkan di bawah peraturan 104.

(2) Seseorang yang namanya telah dipotong daripada Daftar di bawah subperaturan (1) boleh membuat rayuan, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemotongan daripada Daftar itu, untuk pemasukan semula dan Ketua Pengarah, apabila diterima keterangan atau alasan yang memuaskan untuk memasukkan semula boleh mendaftarkannya semula.

(3) Orang yang disebut dalam subperaturan (2) yang merasa terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah untuk tidak memasukkan semula boleh memohon kepada Menteri supaya mempertimbangkan semula perkara itu.

(4) Pemohonan di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah mengandungi alasan kekilanan itu.

(5) Keputusan Menteri tentang perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah subperaturan (3) adalah muktamad.

(6) Setelah apa-apa pemasukan semula, fee bagi pendaftaran permulaan yang dinyatakan dalam Jadual yang relevan hendaklah dibayar oleh orang yang disebut dalam subperaturan (2), dan pendaftaran itu hendaklah sah selama dua belas bulan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 106. Pembaharuan Perakuan Kelulusan.

Pembaharuan sesuatu Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 97 hendaklah dibuat tidak kurang dari dua bulan dari tarikh habis tempoh Perakuan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 107. Pindahmilik Perakuan Kelulusan.

(1) Tiada Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 97 boleh dipindahmilik oleh pemegang Perakuan itu kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

(2) Pemegang mana-mana Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 97 hendaklah memperolehi kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah bagi apa-apa pengubahan nama atau alamat yang berkaitan dengan perniagaan itu dan Perakuan itu hendaklah dipinda atau digantikan tanpa pembayaran apa-apa fee.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 108. Pembatalan Perakuan Kelulusan.

(1) Ketua Pengarah boleh membatalkan Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana kelengkapan yang disebut dalam peraturan 97 jika---

(a) kelengkapan itu didapati tak selamat untuk digunakan setelah pemeriksaan atau ujiannya; atau

(b) orang yang kepadanya Perakuan itu dikeluarkan, menggungkannya bagi maksud yang berbeza dengan maksud ia dikeluarkan atau dengan cara yang dianggap mengelirukan atau menipu orang ramai; atau

(c) orang itu telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini; atau

(d) pemilik Perakuan itu telah memperolehi Perakuan itu dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa akuan, pengesahan atau representasi palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau selainnya.

(2) Jika Peraturan Kelulusan dibatalkan oleh Ketua Pengarah menurut subperaturan (1), Perakuan itu hendaklah dipulangkan kepada Ketua Pengarah oleh orang yang kepadanya Perakuan itu telah dikeluarkan, dalam masa empat belas hari orang itu diberitahu secara bertulis tentang pembatalan itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN III - PENGENDALIAN

Peraturan 109. Pemotongan daripada dan pemasukan semula dalam Daftar Perakuan Kelulusan.

(1) Maka hendaklah dipotong daripada Daftar nama dan butir-butir lain mana-mana Daftar orang yang Perakuan Kelulusan yang telah dikeluarkan di bawah peraturan 97---

(a) jika dia tidak memperbaharui pendaftarannya pada tarikh habis tempohnya; atau

(b) jika pendaftarannya telah dibatalkan di bawah peraturan 108.

(2) Seseorang yang namanya telah dipotong daripada Daftar di bawah subperaturan (1) boleh membuat rayuan, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemotongan daripada Daftar itu, untuk pemasukan semula dan Ketua Pengarah, apabila diterima keterangan atau alasan yang memuaskan untuk memasukkan semula boleh mendaftarkannya semula.

(3) Orang yang disebut dalam subperaturan (2) yang merasa terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah untuk tidak memasukkan semula, boleh memohon kepada Menteri supaya mempertimbangkan semula perkara itu.

(4) Pemohonan di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah mengandungi alasan kekilanan itu.

(5) Keputusan Menteri tentang perkara yang dirujuk kepada di bawah subperaturan (3) adalah muktamad.

(6) Setelah apa-apa pemasukan semula, fee bagi pendaftaran permulaan yang dinyatakan dalam Jadual yang relevan hendaklah dibayar oleh orang yang disebut dalam subperaturan (2), dan pendaftaran itu hendaklah sah selama dua belas bulan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN IV - PENYENGGARAAN

Peraturan 110. Pemeriksaan dan ujian bagi maksud penyenggaraan pemasangan, dsb.

(1) Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah-langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiao masa untuk mencegah bahaya.

(2) Tanggungjawab untuk menyenggara pemasangan mengikut cara yang dikehendaki dalam subperaturan (1) hendaklah terletak pada pengurusan atau pemegang lesen atau penghuni pemasangan, pengkhidmat atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Sesuatu pemasangan, selain daripada pemasangan domestik, hendaklah diperiksa dan diuji oleh orang kompeten sekurang-kurangnya sekali setiao lima tahun, atau pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Pengarah.

(4) Mana-mana geganti dan peranti pelindung sesuatu pemasangan hendaklah diperiksa, diuji dan ditentukur oleh orang kompeten sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun, atau pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Pengarah.

(5) Seseorang Pengarah boleh memeriksa sesuatu pemasangan atau premis di tempat pemasangan diletakkan jika dia berpendapat adalah wajar berbuat demikian bagi kepentingan orang ramai atau keselamatan awam, dan jika notis bertulis diberikan kepada pemunya, pengurusan dan pemegang lesen sesuatu pemasangan atau mana-mana premis, mengikut mana- mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan orang yang menjaga pemasangan atau premis itu hadir dan memberikan apa- apa bantuan sebagaimana yang diperintahkan oleh Pengarah dalam notis itu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN IV - PENYENGGARAAN

Peraturan 111. Orang kompeten mengusahakan kerja penyenggaraan.

Tiada seorang pun, kecuali orang kompeten atau yang bertindak di bawah kawalan orang kompeten, boleh mengusahakan untuk menjalankan apa-apa pembaikan, penggantian, penservisan atau pembersihan mana-mana kelengkapan yang menjadi sebahagian daripada pemasangan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN IV - PENYENGGARAAN

Peraturan 112. Langkah awasan keselamatan yang mencukupi hendaklah diambil semasa kerja.

(1) Orang kompeten hendaklah mengambil langkah awasan yang mencukupi untuk mencegah mana-mana pemasangan atau kelengkapan daripada terhidup secara tidak sengaja semasa orang sedang bekerja.

(2) Mana-mana orang yang terlibat dalam kerja yang berkaitan dengan mana-mana pemasangan atau kelengkapan hendaklah dilindungi secukupnya daripada bahaya, dan tanggungjawab bagi perlindungan itu hendaklah terletak pada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, pemunya, pengurusan atau penghuni pemasangan itu, pengkhidmat atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika mana-mana orang yang terlibat dalam kerja pada suatu litar yang dikawal dengan suis yang tidak berada di bawah seliaan langsungnya, suis itu hendaklah dikunci dalam kedudukan "OFF" sehingga kerja itu selesai, dan ---

(a) dalam hal kerja talian aerial, notis hendaklah digantung pada suis dan tiang p bumi bagi mengadakan pbumian hendaklah dilekapkan pada jarak yang boleh dilihat oleh pekerja-pekerja; dan

(b) dalam hal kerja memasang kabel bawah tanah, notis yang sesuai hendaklah digantung pada suis, untuk memberi amaran kepada mana-mana orang bahawa ada orang sedang bekerja pada litar itu dan suis itu tidak boleh ditutup.

(4) Jika litar dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi, suis dalam subperaturan (3) hendaklah dikunci pada kedudukan "OFF" oleh orang kompeten.

(5) Tiada orang kompeten atau orang yang di bawah kawalan orang kompeten boleh menghidupkan semula mana-mana suis sehingga dia pasti bahawa semua orang sudah tiada pada litar berkenaan dan telah diberi amaran bahawa litar itu akan dihidupkan.

(6) Tiada seorang pun boleh menggagalkan, membuang atau merosakkan sesuatu peranti keselamatan yang dipasang berkaitan dengan atau untuk digunakan dengan mana-mana pemasangan atau kelengkapan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN IV - PENYENGGARAAN

Peraturan 113. Orang kompeten hendaklah mengeluarkan arahan bertulis.

Tiada kerja atau pengendalian di bawah kawalan orang kompeten boleh dimulakan sehingga arahan bertulis telah dikeluarkan oleh orang kompeten itu kepada orang di bawah kawalannya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 114. Kad pengenalan Pengarah.

Kad pengenalan atau lencana rasmi yang hendaklah di bawa oleh Pengarah di bawah subseksyen 5(6) Akta hendaklah dalam Borang X yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 115. Perintah khas oleh Ketua Pengarah.

Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa adalah perlu bagi menjamin tahap keselamatan yang munasabah---

(a) untuk mengambil langkah awasan dalam menjalankan atau mengendalikan sesuatu radas; atau

(b) untuk membuat penambahan atau pengubahan kepada sesuatu radas,

dia hendaklah mengeluarkan perintah bertulis dan perintah itu hendaklah dikuatkuasakan oleh pemunya, pengurusan atau pemegang lesen mana-mana pemasangan, kontraktor, pengilang, pengedar atau peruncit yang kepadanya perintah itu dialamatkan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 116. Larangan menggunakan kelengkapan yang membahayakan kesihatan.

(1) Tiada seorang pun boleh menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan apa-apa kelengkapan yang, pada pendapat Pegawai Kesihatan Negeri, adalah mengancam atau membahayakan kesihatan orang yang menjaganya atau kepada orang awam.

(2) Pengarah hendaklah mengeluarkan arahan kepada mana-mana orang yang berkenaan untuk menjamin pematuhan wajar peruntukan subperaturan (1).

(3) Pengarah boleh melarang penggunaan mana-mana kelengkapan oleh seseorang yang, pada pendapatnya, menyebabkan atau kemungkinan menyebabkan kacau-ganggu kepada orang awam.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 117. Saman kepada pengapit dan saksi.

- (1) Saman kepada pengapit di bawah seksyen 34 akta hendaklah dibuat dalam Borang Y Jadual Pertama.
- (2) Saman kepada saksi di bawah seksyen 35 Akta hendaklah dalam borang Z Jadual Pertama.
- (3) Sesuatu siasatan yang akan dibuat oleh Pengerusi menurut Akta boleh diadakan di mana-mana tempat di Malaysia yang dipilih oleh Pengerusi, dan keterangan boleh ditulis dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 118. Fee yang kena dibayar kepada Pengarah.

Apa-apa fee yang kena dibayar di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar terlebih dahulu kepada Pengarah dan tidak akan dibayar balik dalam apa-apa hal keadaan.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 119. Pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan hendaklah menyimpan rekod.

Mana-mana pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan hendaklah menyimpan rekod tentang perkara-perkara yang berikut dan hendaklah mengemukakannya dalam masa yang dinyatakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah---

- (a) beban harian maksimum dan tenaga yang dijual sebulan;
- (b) kerosakan mana-mana pemasangan dan kejadian apa-apa kemalangan, maut atau selainnya;
- (c) kelas, voltan kendalian dan keupayaan semua pengguna;
- (d) unit yang dijanakua oleh stesen janakuasa, kuasa loji dan beban maksimum; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang Pengarah fikirkan perlu.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 120. Fee bagi suatu salinan laporan.

Suatu fee sebanyak lima puluh ringgit hendaklah dikenakan bagi suatu salinan laporan yang dibuat di bawah subseksyen 33(5) Akta atau suatu salinan ringkasan keterangan dan keputusan yang dibuat di bawah subseksyen 34(5) Akta.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 121. Peruntukan peralihan dan kecualian.

Dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini---

(a) mana-mana pemasangan atau kelengkapan dalam pengendalian yang rekabentuk dan pembinaannya tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini hendaklah diubah supaya mematuhi Peraturan-Peraturan ini dalam masa yang munasabah yang diarahkan oleh Ketua Pengarah;

(b) mana-mana lesen bagi pemasangan awam atau persendirian yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diperbaharui menurut Akta dan Peraturan-Peraturan ini dalam masa satu tahun atau lebih awal jika tarikh habis tempoh lesen itu jatuh dalam tahun yang sama;

(c) mana-mana Perakuan Pendaftaran sesuatu pemasangan yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diperbaharui menurut Akta dan Peraturan-Peraturan ini apabila tarikh bagi pembaharuan pendaftaran itu sampai.

(d) mana-mana Perakuan Pendaftaran bagi mana-mana Kontraktor Pendawaian, Kontraktor Papan Tanda Elektrik, Pengilang Papan Suis, Unit Pendawaian Persendirian atau Jurutera Perkhidmatan Elektrik yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diperbaharui menurut Akta dan Peraturan-Peraturan ini apabila tarikh bagi pembaharuan pendaftaran itu sampai;

(e) mana-mana pendaftaran orang kompeten yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diperbaharui menurut Akta dan Peraturan-Peraturan ini apabila tarikh bagi pembaharuan pendaftaran itu sampai;

(f) mana-mana orang yang telah diberikan kelulusan untuk menduduki peperiksaannya yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi Perakuan Kekompetenannya hendaklah disifatkan layak untuk menduduki peperiksaan itu di bawah Peraturan-Peraturan ini;

(g) mana-mana Perakuan Kelulusan yang sah bagi pengilangan dan pengimportan kelengkapan elektrik yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diperbaharui menurut Peraturan-Peraturan ini apabila tempoh keesahannya habis;

(h) apa-apa permohonan bagi yang berikut dan apa-apa permohonan bagi pembaharuannya, yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang belum selesai sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini, dan boleh terus diproses di bawah Peraturan-Peraturan ini---

- (i) lesen bagi pemasangan awam;
- (ii) lesen bagi pemasangan persendirian;
- (iii) Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Elektrik;
- (iv) Perakuan Kekompetenan sebagai Penyelia Kejuruteraan Elektrik;
- (v) Perakuan Kekompetenan sebagai Penjaga Jentera;
- (vi) Perakuan Kekompetenan sebagai Pendawai;
- (vii) Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pendawaian;

(viii) Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik;

(ix) Perakuan Pendaftaran sebagai Pembuat Papan Suis;

(x) Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian;

(xi) Perakuan Pendaftaran sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik; dan

(xii) Perakuan Pendaftaran bagi sesuatu pemasangan;

(i) apa-apa pemeriksaan, penyasatan atau siasatan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang belum selesai sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai telah dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan boleh diteruskan di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan

(j) mulai dari ini apa-apa dapatan dan keputusan berbangkit hasil daripada apa-apa pemeriksaan, penyasatan atau siasatan yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dikekalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 122. Penalti.

Melainkan jika selainnya dijadikan suatu kesalahan di bawah Akta, seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi mana- mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

BAHAGIAN V - PELBAGAI

Peraturan 123. Pembatalan.

Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990 [*P.U. (A) 313/84.*], [*P.U. (A) 456/90.*] adalah dengan ini dibatalkan

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG A.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

(peraturan 3)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN PEPASANGAN

Saya/Kami.....

pemunya/pengurusan

pepasangan.....

di.....

dengan ini memohon mengikut seksyen 21 Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi mendapatkan suatu Perakuan Pendaftaran bagi pemasangan itu.

Pemasangan tersebut mengandungi radas-radas yang berikut*

.....
Pemunya/Pengurusan

* Senarai ini hendaklah mengandungi butir-butir penuh mengenai radas yang baginya fee akan ditaksirkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah peraturan 4 dalam Bahagian I Jadual Kedua, bersama-sama dengan mana-mana radas lain.

Jika senarai ini terlalu panjang, ia boleh diberikan dalam kertas atau kertas-kertas berasingan yang dilampirkan bersama-sama dengan permohonan ini.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG B.

BORANG B

(peraturan 3)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERAKUAN PENDAFTARAN

PEPASANGAN NO.....

Saya.....
seorang Pagarah yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, dengan ini memperakui bahawa menurut seksyen 21 Akta pemasangan
di.....
harta
kepunyaan.....
telah memenuhi kehendak-kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

Maka, oleh yang demikian saya memperakui bahawa pemasangan yang tersebut di atas telah didaftarkan oleh saya, dan Perakuan Pendaftaran ini adalah sah selama tempoh dua belas bulan dari tarikh di bawah ini.

Fee RM:..... Agregat kuasa yang
dipasang..... kilowatt

Tarikh dikeluarkan:.....

Tempat:

.....
*Ketua Pengarah/Pengarah
Bekalan Elektrik,
Malaysia*

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG C.

BORANG C

(peraturan 3)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN

PEPASANGAN NO.....

Pendaftaran

pepasangan.....

di.....

harta

kepunyaan.....

adalah dengan ini diperbaharui bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh di bawah ini.

Fee RM: Agregat kuasa yang

dipasang kilowatt

Tarikh dikeluarkan:.....

Tempat:

.....
*Ketua Pengarah/Pengarah
Bekalan Elektrik,
Malaysia*

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG E.

BORANG E

(peraturan 5)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

NOTIS PEMERIKSAAN SUSULAN

Kepada:

.....
yang beralamat

di.....

Adalah dengan ini diberitahu bahawa mengikut seksyen 21 Akta Bekalan Elektrik 1990, suatu pemeriksaan dan ujian pemasangan anda

di.....

akan dibuat pada.....haribulan.....19.....pukul.....pagi/petang

dan bahawa orang yang menjaga pemasangan tersebut dikehendaki hadir semasa pemeriksaan dan ujian itu dan hendaklah memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki.

Tarikh:

Tempat :

.....
*Ketua Pengarah/Pengarah
Bekalan Elektrik,
Malaysia*

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG F.

BORANG F

(peraturan 9)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

LESEN NO:.....BAGI PEPASANGAN PERSENDIRIAN

Mengikut peruntukan seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990, Ketua Pengarah Bekalan Elektrik, dengan kelulusan Menteri, dengan ini memberikan lesen

kepada.....
yang beralamat di

.....
untuk menggunakan, mengerjakan dan mengendalikan, mengikut Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1994, suatu pemasangan elektrik yang terletak di.....dalam

Negeri.....bagi membekalkan dan menggunakan tenaga semata-mata bagi dan pada harta dan syarat premis kepunyaan.....tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

*(a) bahawa talian bekalan itu boleh melintasi tanah persendirian yang tidak dimiliki oleh.....tersebut mengikut jalan yang ditunjukkan di atas pelan yang dilampirkan dengan syarat bahawa persetujuan terdahulu daripada pemunya dan penduduk tanah persendirian yang sah di sisi undang-undang yang diperolehi;

*(b) bahawa kebenaran telah diberikan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 12 Akta, bagi talian bekalan itu melintasi tanah Kerajaan Negeri mengikut jalan yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan;

*(c) bahawa kebenaran telah diberikan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 12 Akta, bagi talian bekalan itu melintasi.....jalan awam yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, dengan syarat bahawa tiang yang bersempadanan dengan jalan awam hendaklah didirikan di tempat-tempat yang diluluskan oleh Pengarah Negeri, Jabatan Kerja Raya dan wakilnya;

*(d) bahawa kebenaran telah diberikan bagi talian bekalan itu melintasi.....jalan yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, tertakluk kepada kebenaran terdahulu pihak berkuasa tempatan;

*(e) bahawa kebenaran telah diberikan bagi talian bekalan itu melintasi talian yang dikendalikan oleh Jabatan Telekomunikasi yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan tertakluk kepada kebenaran terdahulu pihak berkuasa telekomunikasi, dengan syarat bahawa talian bekalan tersebut dikawal dengan cara yang sesuai pada poin lintasan itu mengikut Peraturan-peraturan ini dan arahan tetap yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Telekomunikasi.

*(f) bahawa kebenaran telah diberikan bagi talian bekalan itu melintasi landasan keretapi seperti yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, tertakluk kepada persetujuan terdahulu daripada Pihak Berkuasa Keretapi dengan syarat bahawa talian bekalan tersebut dikawal dengan cara yang sesuai pada poin lintasan itu mengikut Peraturan-Peraturan ini dan kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Keretapi;

* (g) bahawa kebenaran telah diberikan bagi talian bekalan itu melintasi talian bekalan lain yang dipunyai oleh.....tertakluk kepada persetujuan daripada..... dan dengan syarat bahawa talian bekalan itu dilindungi dengan cara yang sesuai mengikut Peraturan-Peraturan ini;

(h) bahawa talian bekalan itu hendaklah didirikan hanya mengikut jalan yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, dan voltan talian bekalan itu hendaklah seperti yang tercatat dalam pelan yang dilampirkan.

(i) bahawa tempoh lesen ini ialah dari.....hingga.....kilowatt;

(k) bahawa lesen ini boleh diperbaharui atas permohonan dengan pengendorsan di bawah tandatangan Ketua Pengarah.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

Diberikan oleh,

.....
*Ketua Pengarah Bekalan
Elektrik, Malaysia*

* (i) Perenggan (a) hingga (g) hendaklah dipotong atau dimasukkan mengikut hal keadaan yang sebenar, tetapi tidak boleh ditinggalkan jika relevan.

(ii) Pelan yang dilampirkan pada lesen hendaklah menunjukkan dalam warna-warna yang berlainan sempadan Negeri dan tanah persendirian yang dilintasi oleh talian bekalan. Talian-talian bekalan atas hendaklah ditunjukkan dengan garisan "penuh" dan talian-talian bawah tanah dengan suatu garisan "bertitik". Talian-talian bekalan yang berlainan voltan hendaklah ditunjukkan dalam warna-warna yang berlainan dan ada panduan petunjuk ditunjukkan dalam pelan bagi menunjukkan sistem voltan bagi setiap warna talian-talian bekalan itu. Talian telefon atau talian bekalan, yang tidak dipunyai oleh pemegang lesen, yang dilintasi oleh talian bekalan pemegang lesen, hendaklah ditunjukkan dalam pelan itu pada poin lintasan dan hak milik talian telefon bekalan lain itu hendaklah dicatat di dalamnya.

(iii) Syarat-syarat khas tambahan yang diminta oleh Pihak Berkuasa Negeri atau pihak-pihak berkuasa relevan yang lain boleh dicatatkan dalam fasal yang sesuai.

(iv) Perenggan (f) hendaklah diterima pakai jika landasan keretapi itu dipunyai oleh mana-mana orang selain daripada Pihak Berkuasa Keretapi.

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG G.

BORANG G

(peraturan 14)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERAKUAN PENYELIAAN DAN PENYIAPAN

Kepada:

(Nama dan alamat pemunya/pengurusan pemasangan) (lihat nota sebelah)

BAHAGIAN I: PERINCIAN PEPASANGAN

Klien:

Alamat:

Pemasangan ini ialah suatu Pemasangan Baru/Tambahan/Pengubahan kepada Pemasangan yang sedia ada*

BAHAGIAN 2: PENYELIAAN DAN PENYIAPAN

Saya, orang kompeten yang bertanggungjawab (sebagaimana yang ditunjukkan oleh tandatangan saya di bawah) bagi penyeliaan dan penyiapan kerja elektrik dalam pemasangan dalam Bahagian I, yang butir-butirnya seperti yang diperihalkan dalam Jadual Lukisan dalam Bahagian 3, MEMPERAKUI bahawa kerja tersebut yang baginya saya bertanggungjawab adalah sepanjang yang saya ketahui dan percayai mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Mukasurat 1 daripada mukasurat

Takat liabiliti penandatanganan adalah terhad kepada kerja elektrik yang diperihalkan atas dalam Bahagian 1 sebagai subjek Perakuan ini.

Bagi penyeliaan dan penyiapan kerja elektrik:

Nama (Dengan huruf Besar):

Perkuan Kekompetenan:
Pendawai Sekatan Fasa Tunggal/Fasa
Tiga*

Bagi Pihak:

Perkuan Kekompetenan No:

Alamat:

Tandatangan:

Tarikh:

Mukasurat 2 daripada mukasurat

BAHAGIAN 3: JADUAL LUKISAN

Setiap lukisan yang disenaraikan di bawah hendaklah mengandungi akujanji yang berikut:

Saya, dengan ini, mengesahkan bahawa kerja elektrik yang disenaraikan dalam lukisan ini telah saya selia dan siapkan mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Nama:

Pendawai Sekatan Fasa Tunggal/Fasa Tiga*

Perakuan Kekompetenan:

Perakuan Kekompetenan No:

Bagi Pihak:

Alamat:

Tandatangan:

Tarikh:

(a)

(b)

(c)

(d)

(e)

Mukasurat 3 daripada mukasurat

NOTA:

1. Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan yang dikehendaki oleh peraturan 12 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 hendaklah dibuat dan ditandatangani oleh orang kompeten berkenaan dengan penyeliaan dan penyiapan kerja elektrik.
2. Perakuan ini akan menunjukkan tanggungjawab bagi penyeliaan dan penyiapan kerja elektrik, sama ada yang berhubungan dengan pemasangan baru atau kerja selanjutnya pada pemasangan yang sedia ada.
3. Apabila membuat dan menandatangani perakuan bagi pihak syarikat atau entiti perniagaan yang lain, individu hendaklah menyatakan orang yang diwakilinya.
4. Perakuan tambahan mungkin dikehendaki sebagai penjelasan bagi kerja elektrik yang lebih besar atau rumit.
5. Tandatangan yang diturunkan ialah tandatangan orang yang kompeten yang diberikuasa oleh syarikat yang melaksanakan kerja penyeliaan dan penyiapan kerja elektrik.

6. Nombor mukasurat bagi setiap helaian hendaklah ditunjukkan bersama-sama dengan jumlah bilangan mukasurat yang terlibat.

7. Pemunya atau pengurusan pemasangan hendaklah mengemukakan Perakuan Penyeliaan dan Penyiapan dan Perakuan Ujian (Borang G dan H Jadual Pertama) kepada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi menerima tenaga daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan.

8. Apabila diterima Perakuan tersebut dalam perenggan (7) di atas, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan hendaklah mulai dari itu membekalkan tenaga seperti yang diminta oleh pemunya atau pengurusan pemasangan.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Mukasurat 4 daripada mukasurat

P.U. (A) 38/1994

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

JADUAL PERTAMA - BORANG H.

BORANG H

(peraturan 14)

KERAJAAN MALAYSIA

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERAKUAN UJIAN

Kepada:

(Nama dan alamat pemunya/pengurusan pemasangan) (lihat nota sebelah)

BAHAGIAN I: PERINCIAN PEPASANGAN

Klien:

Alamat:

Pemasangan ini ialah suatu Pemasangan Baru/Tambahan/Pengubahan kepada Pemasangan yang sedia ada*

BAHAGIAN 2: PENYELIAAN DAN PENYIAPAN

Saya, orang kompeten yang bertanggungjawab (sebagaimana yang ditunjukkan oleh tandatangan saya di bawah) bagi ujian pemasangan dalam Bahagian I, yang butir-butirnya seperti yang diperihalkan dalam Jadual Lukisan dalam Bahagian 3 dan Jadual Keputusan Ujian dalam Bahagian 4, MEMPERAKUI bahawa pemasangan di atas yang baginya saya bertanggungjawab, adalah sepanjang yang saya ketahui dan percayai, mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, dan bahawa pemasangan tersebut di atas telah sipa dan selamat untuk menerima tenaga daripada atau diberi tenaga oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Mukasurat 1 daripada mukasurat

